

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. 57/1/.....

No Perolehan:

Tarikh: *17/8/87*

PENGARUH PAS DI KAWASAN 'DUN' RU RENDANG:

PERKEMBANGAN DAN KESANNYA KE ATAS MASYARAKAT

MOHD. ADNAN BIN ABD. GHANI

No. Matrik: 45977

LATIHAN ILMIAH,

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 86/87

PENGHARGAAN

---

Bismillahhirrahmannirrahim,

Bersyukur saya kepada Allah, kerana dengan limpah kurnia dan hidayahnya, maka akhirnya dapat juga menyiapkan latihan ilmiah ini yang menjadi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera di Jabatan Antropologi & sosiologi Universiti Malaya. Jutaan terima kasih saya tujukan kepada mereka yang telah banyak membantu untuk menyiapkan latihan ilmiah ini, terutamanya;

1. Kepada penyelia latihan ilmiah saya, Prof. Madya Dr. Husin bin Mohamad, yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga dalam membimbing saya sehingga latihan ini siap.
2. Yang Berhormat, Haji Hadi bin Awang, Ahli Dewan Undangan Terengganu, Kawasan Ru Rendang kerana sudi melapangkan masa untuk ditemubual oleh pengkaji.
3. Yang Berhormat, Encik Muda bin Mamat, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Binjai yang begitu banyak memberikan butir-butir tentang kedudukan UMNO Marang.
4. Yang Mulia, Tengku Zahid bin Musa, ketika itu memegang

jawatan Setiausaha Politik Kepada Menteri Besar Terengganu, kerana telah banyak memberikan kerjasama untuk latihan ilmiah ini.

5. Ustaz Umar Syukri bin Embong, bekas wakil rakyat kawasan Sura, Dungun, yang juga memberikan kerjasama yang baik.
6. Ustaz Kassim Ahmad, Setiausaha Perhubungan PAS Terengganu, yang mana dengan matlumat-matlumat asas yang diberikan oleh beliau, maka memudahkan pengkaji meneruskan kajiannya.
7. Pegawai-pegawai kerajaan seperti pegawai-pegawai di Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Terengganu, Pejabat Perangkaan Terengganu, Pejabat Penerangan Terengganu, Pejabat Daerah Marang dan Pejabat Kadi Marang.
8. Kepada keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan galakan untuk saya meneruskan latihan ini sehingga selesai.
9. Akhir sekali kepada sesiapa jua yang telah memberikan sumbangan mereka untuk saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terima Kasih.

Dari:

No. Matrik: 45977

Jabatan Antropologi & Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
8 Januari 1986.

## SINOPSIS

Tesis ini adalah merupakan satu kajian tentang sejauh mana berkesannya pengaruh PAS keatas sistem kehidupan masyarakat tempat kajian. Dalam bab I beberapa konsep asas tentang politik akan diuraikan. Di sini juga ada diterangkan tentang tujuan, bidang dan kepentingan kajian.

Di dalam bab II pula diterangkan tentang latar belakang tempat kajian iaitu DUN Ru Rendang. Tujuannya adalah untuk memberikan gambaran yang jelas kedudukan tempat tersebut.

Bab III adalah bab yang membincarakan tentang sejarah penubuhan PAS Ru Rendang. Ia juga memaparkan corak perkembangan yang dialami oleh PAS melalui perubahan masa dan keadaan.

Bab IV adalah membincarakan tentang organisasi PAS dan kepimpinannya. Di sini akan melihatkan kepada kita bagaimana bentuk kepimpinan yang ada sekarang. Di samping itu seorang tokoh terkenal akan dibincarakan sama.


Dalam bab V, membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti PAS yang dijalankan selaras dengan konsep perjuangannya. Di antara apa yang dilakukannya ialah, dalam aspek pelajaran dan pendidikan, kebajikan sosial, ekonomi dan ceramah politik.

Bab VI adalah membicarakan tentang pengaruh parti PAS ke atas sistem kehidupan masyarakat. Kesan yang paling nyata ialah wujudnya konflik di antara parti PAS dan UMNO sejak dari tahun 1959 lagi.

Bab VII pula memaparkan segala peristiwa-peristiwa disekitar pilihanraya umum 1986. Di antara ciri-ciri yang jelas dalam masa pilihanraya itu ialah perang poster, politik wang dan cara-cara berkempen.


Bab VIII adalah bab yang terakhir dalam latihan ilmiah ini. Beberapa cadangan, kritikan dan pandangan diberikan bagi menyelesaikan masalah konflik di antara PAS dan UMNO.

Kedudukan Kawasan Pilihanraya DUN Bagi Seluruh Negeri  
Terengganu.



Sumber: The Star, 21.7. 1986.

Kedudukan Kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Terengganu  
(1982), Kawasan Marang.



Sumber: Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Terengganu

Kedudukan Kawasan Pilihanraya Negeri Terengganu Bagi Kawasan

Parlimen Marang (1986)



Sumber: Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Terengganu.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii - iv
SINOPSIS	v - vi
PETA	vii - ix
DAFTAR KANDUNGAN	x - xii
SENARAI JADUAL	xiii
BAB I: PENDAHULUAN	1 - 22
1.1 Tujuan Kajian	1 - 2
1.2 Bidang Kajian	3 - 5
1.3 Kepentingan kajian	6 - 7
1.4 Metodologi	8 - 11
1.5 Masalah kajian	12 - 13
1.6 Konsep-konsep	14 - 20
Nota kaki	21 - 22
BAB II: LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN	23 - 35
2.1 Terengganu	23 - 25
2.2 Kedudukan DUN Ru Rendang	26
2.3 Penduduk	26 - 28
2.4 Ekonomi dan Pekerjaan	28 - 29
2.5 Politik	29 - 30
2.6 Infrastruktur	31 - 34
Nota kaki	35

BAB III: SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PAS RU RENDANG	
RENDANG	36 - 53
3.1 Sejarah Penubuhan PAS Terengganu	36 - 40
3.2 Penubuhan PAS Ru Rendang	41
3.3 Amalan Politik	42
3.4 Pemimpin	42 - 43
3.5 Pilihanraya DUN Ru Rendang (1959-1986)	43 - 49
Nota kaki	50 - 53
BAB IV: ORGANISASI DAN KEPIMPINAN PAS	54 - 69
4.1 Organisasi PAS secara umum	5 - 54
4.2 Organisasi PAS Ru Rendang	55 - 56
4.3 Pemimpin Dan Kepimpinan	56
4.4 Pendidikan Agama	57
4.5 Sifat Peribadi	58 - 59
4.6 Keturunan Dan Kedudukan Ekonomi	59
4.7 Pencapaian Akademik	60
4.8 Profil Haji Hadi Awang	61 - 67
Nota kaki	68 - 69
BAB V: AKTIVITI-AKTIVITI PAS RU RENDANG	70 - 83
5.1 Pendidikan Dan Pelajaran	70 - 72
5.2 Kebajikan Sosial	72 - 75
5.3 Kewangan PAS Ru Rendang	76 - 77
5.4 Ceramah Dan Politik	77 - 79
5.5 Isu-isu	79 - 81
Nota kaki	82 - 83

BAB VI: PENGARUH DAN KESAN PAS KE ATAS MASYARAKAT	84 - 96
6.1 Konflik Antara PAS Dan UMNO	84 - 86
6.2 Kesan Konflik UMNO-PAS	86 - 94
i. Politik radikal	86 - 87
ii. Ibadat	88
iii. Majlis keramaian	89
iv. Kematian	90
v. Hubungan kekeluargaan	91
vi. Sistem kekeluargaan	92
vii. Corak hiasan dan binaan	93 - 94
Nota kaki	95 - 96
BAB VII: SEKITAR PILIHANRAYA UMUM 1986	97 - 103
7.1 Perang Poster	97 - 98
7.2 Manifesto Pilihanraya	98
7.3 Politik Wang	99
Gambar-gambar di sekitar pilihanraya	100 - 101
7.4 Cara Berkempen	102
Nota kaki	103
BAB VIII: KESIMPULAN	104 - 106
BIBLIOGRAFI	107 - 110

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. Kolej .....  
No Perorangan: .....  
Tarikh: .....

SENARAI JADUAL

Muka Surat

1) 2.1 : 1	Peratus penduduk mengikut etnik untuk negeri Terengganu (1974-1985)	23
2) 2.1 : 2	Jumlah pengundi berdaftar negeri Terengganu (1986) mengikut parlimen	25
3) 2.3 : 1	Anggaran penduduk mengikut kumpulan etnik, jantina dan tahun bagi daerah Marang : 30.1.1981 - 30.1.1984.	27
4) 2.6 : 1	Projek-projek yang disiapkan (1974-1978) bagi daerah Marang.	33
5) 3.5 : 1	Jumlah pengundi mengikut calon, parti dan wakil rakyat (1959-1986) bagi DUN Marang (Ru Rendang)	44
6) 3.5 : 2	Jumlah pemilih berdaftar dalam negeri Terengganu - 1986 bahagian pilihanraya DUN Ru Rendang.	49
7) 5.5 : 1	Beberapa siri ceramah PAS di kawasan DUN Ru Rendang 27.4. - 16.5.1986.	81

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk menganalisa sejauh manakah berkesannya pengaruh PAS ke atas sistem kehidupan masyarakat di tempat kajian. Di samping itu peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Parti Islam Se malaysia (PAS) akan disusur-galurkan manti. Ia juga bertujuan untuk melihat perkembangan parti itu dari dulu hingga sekarang, di samping kesannya ke atas kehidupan masyarakat tempatan.

Dalam pada itu sebuah parti lain akan dibincangkan sama iaitu United Malays National Organisation (UMNO). Sebarang kegiatan yang berkaitan dengan politik akan dikaitkan terus dengan kedua-dua parti tersebut. Ini kerana parti-parti imilah yang mendasari pergolakan, perkembangan dan kemajuan dalam aréma politik di sini. Tambahan pula kebanyakkan pertandingan dalam semua pilihanraya adalah satu lawan satu, kecuali pilihanraya umum pada tahun 1974 dimana PAS bergabung dengan Barisan Nasional.

Dengan itu kita akan dapat memerhatikan keadaan sebenar perjalanan politik dan perkembangannya. Walaupun akhir-akhir ini banyak sekali akhbar-akhbar tempatan membuat liputan, namun kebanyakannya

tidak boleh diterima kerana mereka tidak melakukan kajian secara terperinci. Baham yang dikutip oleh mereka itu pula adalah kurang ilmiah dan objektif.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat corak dan pemahaman tentang politik oleh masyarakat, iaitu adakah amalan politik di sini sama dengan apa yang dialami di tempat-tempat lain. Penghayatan dan anutan politik serta pereresapannya dikalangan penduduk juga dipaparkan sama.

Kita juga akan melihat sejauh manakah kesan pengaruh PAS ke atas institusi-institusi kemasyarakatan. Suasana ini bertambah berkesan lagi dengan wujudnya isu-isu yang hangat, kepimpinan dan pemimpin yang radikal serta kekuatan dalam organisasi. Ideologi PAS misalnya, dapat dilihat telah meresap dalam semua institusi-institusi kemasyarakatan dan membawa kesan yang mendalam seperti konflik dalam semua aspek sitem kehidupan setempat.

## 1.2 Bidang Kajian

Satu perkara yang menarik dalam arena politik ialah soal pemimpin dan kepimpinannya. Perkara ini akan dimuatkan nanti dengan berlandaskan fakta-fakta yang ada. Kedua-dua parti diberikan tumpuan yang sepenuhnya agar tidak wujud sebarang "bias" dalam memaparkan kenyataan sebenar.

Fokus ke atas satu "constituency" DUN yang kecil iaitu Ru Rendang adalah bertujuan untuk memudahkan kajian. Sebarang bentuk organisasi dan strukturnya dari lapisan bawah sehingga keperingkat pimpinan akan dimasukkan sama. Kita juga akan melihat corak kepimpinan yang mendominasikan pergerakan politik di sini. Dalam masa yang sama kesedaran politik, wujud hasil dari kepimpinan yang progressif.

"Pengaruh PAS", amat perlu dibuat kajian secara mendalam di kawasan DUN Ru Rendang kerana kesannya telah mengubah seluruh corak hidup penyokong-penyeokongnya. Setiap tindakan misalnya, dalam pendidikan, persaudaraan, perkahwinan dan lain-lain sistem sosial didasarkan kepada fahaman parti tersebut. Ciri-ciri ini telah membezakan antara penyokong-penyeokong PAS dari penyokong-penyeokong UMNO.

Konflik adalah satu lagi ciri penting yang tumbuh antara kedua-dua belah parti tersebut. Ianya telah jelas berlaku semenjak pilihanraya umum tahun 1959 lagi, tetapi sekarang ini ianya lebih

meluas lagi. Tahap-tahap bermula dan perkembangan dalam konflik akan dipaparkan dengan berfokuskan kepada isu-isu semasa yang ada. Jalan penyelesaian mengikut "expectation" mengikut kedua-dua parti akan dimasukkan sama.

Konflik peringkat parti bukan saja setakat dalam pilihanraya tetapi telah menular sehingga kepada kehidupan harian, amal ibadat dan kegiatan ekonomi. Namun begitu perlu diingatkan bahawa kedua-dua parti UMNO dan PAS adalah seimbang dari segi kekuatan dan pengaruhnya. Hal ini terbukti misalnya, pada pilihanraya tahun 1982 calon PAS hanya mendapat majoriti undi 133 sahaja.

Berbagai-bagai isu telah dihangatkan oleh kedua-dua pihak sama ada isu itu bersifat tempatan atau nasional yang akhirnya membawa kepada konflik. Misalnya dalam isu "Memali"; Penyokong-penyokong PAS mendakwa bahawa orang-orang yang mati itu adalah "syahid", manakala penyokong-penyokong UMNO mengecap mereka sebagai penderhaka bangsa dan negara. Peristiwa tersebut telah meruncingkan lagi perhubungan yang telah sedia tegang di seluruh kawasan DUN Ru Rendang.

Tokoh-tokoh politik di sini juga akan menjadi tumpuan yang tidak kurang pentingnya. Bagaimanapun tumpuan utama akan dibuat ke atas Haji Hadi Awang iaitu pemimpin PAS Ru Rendang. Sebabnya ialah adalah tidak lengkap kalau dibincangkan politik Ru Rendang tanpa dikaitkan nama beliau kerana dia adalah diantara orang yang bertanggungja-

wab mewarnakan suasana politik Ru Rendang sekarang khasnya dikalangan penyokong-penyokong PAS.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai politik telah biasa dijalankan di negeri Terengganu. Misalnya oleh Mazlan Salleh (di kawasan DUN Binjai, 1983) dan Abd. Wahab Hashim (DUN Kuala Nerus, 1974). Kajian ini pula akan menumpukan perhatian ke atas kawasan DUN Ru Rendang iaitu kawasan yang baru sahaja diwujudkan (1986). Ia dirasakan perlu kerana banyak dari peristiwa-peristiwa dan pergolakan telah diabaikan oleh kebanyakkan pihak. Pada hal pergolakan politik di sini telah juga memberi kesan dan cara berpolitik di Terengganu amnya.

Pergolakan politik masyarakat bawahan iaitu antara penyokong-penyokong PAS dan UMNO Ru Rendang menjadi bahan kajian utama. Ini berlainan sama sekali dengan kajian yang dibuat oleh Mazlan Salleh yang lebih menumpukan kajiannya ke atas golongan elit. Bagaimanapun seorang tokoh penting akan diberi tumpuan yang lebih iaitu Haji Hadi Awang (pemimpin PAS).

Kajian ini juga penting kerana dapat memberikan gambaran sebenar tentang pergolakan, perkembangan dan konflik akibat dari persaingan oleh kedua-dua parti dalam menarik seberapa ramai penyokong yang boleh. Ia juga diharapkan dapat menhapuskan penilaian dan toh-mahan yang tidak objektif yang biasanya dibawa oleh pihak-pihak akbar sebelum ini.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi panduan kasar kepada pemimpin-pemimpin dari kedua-dua pihak tentang sebab dan musabab wujudnya konflik itu. Diakhir latihan ilmiah ini pengkaji akan memberi saranan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Dengan itu suasana ketegangan itu akan dapat sedikit sebanyak dikendurkan semula. Ini akan membolehkan perkembangan politik yang lebih sihat dimasa-masa yang akan datang.

Disamping itu kajian ini cuba melihat sejauh mana corak kepimpinan itu berubah sama ada secara "innovative change" ataupun "restorative change" yang selaras dengan proses modenisasi dan pembangunan politik itu sendiri. Oleh kerana kepimpinan sering dihubungkaitkan dengan faktor-faktor setempat, masa ataupun keadaan alam sekeliling di mana pemimpin itu berada, maka sebarang perubahan yang bertentangan dengan keagamaan dan sosio-budaya sesuatu masyarakat akan memberi kesan ke atas prestasi pimpinan berkenaan. Hanya bentuk kepimpinan baru yang berjaya menembusi benteng-benteng nilai tradisional ini sajalah akan berjaya mengekalkan penerusannya.

#### 1.4 Metodologi

Kawasan pilihanraya Ru Rendang adalah satu kawasan yang paling sensitif di Terengganu. Oleh kerana itu jangka masa yang diambil untuk membuat kajian adalah lama iaitu dari pertengahan bulan April sehingga 4hb. Ogos 1986 (selesai pilihanraya umum). Oleh itu metod yang digunakan semasa mengadakan penyelidikan adalah halus dan disesuaikan pula dengan keadaan tempat, masa dan "respondents".

##### i. Pemerhatian (Observation)

Dalam suasana yang sentiasa tegang, kaedah pemerhatian sangat baik digunakan. Kunjungan ke kedai-kedai kopi adalah tahap pertama yang telah digunakan. Dari pemerhatian di situ fakta-fakta yang sesuai dipungut sebagai gambaran awal. Setiap percakapan dan tindak-tanduk orang-orang di dalamnya diperhatikan dan diambil sebagai bahan kajian. Kaedah ini sangat baik dan selamat kerana kumpulan sasaran (respondents) tidak sedar siapa sebenarnya di hadapan mereka. Oleh kerana itu bahan yang dipungut itu sudah pastilah benar.

Dalam masa yang sama pengkaji juga sering mengunjungi ke tempat-tempat ceramah PAS dan kemesyuarat yang dianjurkan oleh UMNO daerah Marang. Kadang-kadang ceramah itu selesai sehingga larut malam.

### ii. Penyertaan dan Pemerhatian

Selepas fakta-fakta asas tadi diperolehi, barulah metod "participant-observation" ini digunakan. Metod ini kebanyakannya ditumpukan semasa membuat penyelidikan di kampung Ru Muda (kubu kedua PAS Marang selepas Rusila) dalam DUN Ru Rendang. Namun tempat-tempat lain juga dikunjungi. Dengan itu mudahlah ketua-ketua cawangan PAS dan UMNO membincangkan soal-soal semasa dengan pengkaji. Sebagai anak tempatan, sebarang rasa "prejudice" telah dapat diatasi. Cara ini juga berkesan kerana di antara pengkaji dan responden tidak ada lagi sebarang batasan telahpun kenal-mengenali di antara satu dengan lain.

Dengan tercetusnya wabak pilihanraya umum pada 3hb. Ogos 1986 maka pengkaji sempat melihat dan melibatkan diri dalam suasana tersebut. Beberapa markas PAS dan UMNO sempat dikunjungi. Pergolakan yang didasarkan kepada isu-isu semasa dapat dilihat dengan jelas terutama semasa masing-masing mengadakan kempen dan ceramah. Jadi pada masa itu banyaklah maklumat telah didapati.

### iii. Temubual (Interview)

Melalui "interview", temujanji terpaksa diatur terlebih dahulu dengan pemimpin-pemimpin kedua-dua parti kerana mereka sering tidak berada di rumah atau di pejabat. Tambahan pula politik di sini

diamalkan sepenuh masa, tidak seperti dua dekad yang lalu dimana ianya bermusim. Kebanyakan dari temubual itu diadakan di rumah mereka, terutama selepas pukul 5.00 petang. Bagaimanapun ada juga dijalankan di pejabat khasnya pemimpin-pemimpin UMNO.

Dengan kaedah ini, data-data yang diambil adalah lebih tepat lagi. Kebanyakan dari responden itu lebih berani memberi keterangan atau pendapat kerana mereka yakin pengkaji tidak tertakluk dengan mana-mana parti politik, pertubuhan ataupun pergerakan. Mereka juga kadang-kadang memberi fakta-fakta tambahan yang disimpang sama ada di pejabat atau di rumah-rumah mereka.

Temubual tidak formal ada juga dijalankan. Kaedah ini dibuat ke atas penyokong-penyokong dari kedua-dua parti. Data-data yang dikumpulkan dari mereka juga baik kerana mereka tidak sedar bahawa apa yang diucapkannya itu sedang dicatat oleh pengkaji. Soalan-soalan yang diajukan seolah-olah seperti perbualan harian sahaja. Biasanya dijalankan di kedai-kedai kopitiam, wakaf, rumah responden, padang bola dan perhentian-perhentian bas.

#### iv. Soal Selidik (Questionnaire)

Kaedah ini paling sedikit digunakan oleh pengkaji. Cuma dijalankan ke atas 4 hingga 5 orang sahaja. Iaitu ke atas mereka yang terlalu sibuk dengan tugas harian lain sehingga tidak ada masa untuk

ditemubual. Kertas-kertas "questionnaire" diedarkan kepada mereka dan dipungut pada 2 hari kemudiannya.

v. Sumber Kedua

Ianya dapat dipetik dari laporan-laporan akhbar, majalah, laporan resmi kerajaan dan manifesto parti masing-masing. Keratan-keratan akhbar mula dikumpulkan sejak dari awal tahun 1986 sehingga latihan ilmiah ini dituliskan.

Pengkaji juga melakukan "Penyelidikan Perpustakaan". Ini bertujuan melengkapkan lagi bahan-bahan yang dikutip semasa mengadakan "fieldwork" dahulu. Bahan-bahan "secondary" ini dikaji dan dianalisa dahulu sebelum ianya dipetik agar menepati sebuah bentuk kajian ilmiah.

Dari semua bentuk dan metod yang digunakan, metod penyertaan-pemerhatian dan temubual adalah paling berkesan sekali semasa mengutip data. Kerana dalam masa yang sama pengkaji dapat mengambil gambar-gambar untuk dijadikan bukti bahan yang sedang dikaji. Bagaimanapun penyelidikan perpustakaan juga tidak kurang pentingnya. Ia adalah landasan awal yang boleh dijadikan panduan supaya pengkaji tidak "bias" semasa melakukan kerja lapangan.

### 1.5 Masalah Kajian

Menentukan hipotesis adalah terlalu sukar pada peringkat awal kajian dijalankan. Hipotesisnya ialah perkembangan pengaruh PAS di kawasan DUN Ru Rendang disebabkan oleh pimpinan Haji Hadi Awang. Suatu persoalan yang harus difikirkan ialah, sekarang merupakan zaman kebangkitan Islam di seluruh dunia. Jadi mungkin kehadiran Haji Hadi itu adalah secara kebetulan sahaja. Tanpanya mungkin juga PAS Ru Rendang boleh berkembang dengan baik kerana kesedaran agama oleh penduduk-penduduk di sini sudahpun wujud.

Dari segi praktikal pulak, banyak masalah juga yang timbul. Bagaimanapun dengan berpandukan teknik dan disiplin antropologi dan sosiologi, maka segala-galanya dapat diatasi dengan baik. Untuk mendapatkan kerjasama dari responden adalah suatu yang susah. Kadang-kadang ada di antara mereka yang langsung tidak mahu memberi jawaban. Ada juga yang memberikan jawaban tetapi tidak benar apabila diujikan semula.

Mungkin mereka menganggap pengkaji sebagai wakil kepada satu-satu pertubuhan yang cuba mencari rahsia dan strategi mereka. Kadang-kadang ada juga menganggap sebagai pemberita akhbar yang sering memutar-belitkan kenyataan sebelum ini. Jadi hal-hal yang demikian boleh mengganggu kelincinan dalam melakukan penyelidikan. Bagaimanapun dengan jasa baik pemimpin-pemimpin mereka, maka perkara-perkara demikian dapat diatasi.

Untuk bertemu pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti, terpaksa diadakan temujanji terlebih dahulu. Kadang-kadang 2 atau 3 kali ia dibatalkan. Dengan itu masa yang sepatutnya telah cukup untuk kajian tersebut terpaksa pula ditambah lagi. Hal ini sangat banyak merugikan masa dan tenaga pengkaji sendiri. Tempat-tempat ceramah pula kebanyakannya adalah jauh dari rumah pengkaji. Kadang-kadang terpaksa keluar jauh dari kawasan DUN Ru Rendang. Tambahan pula semua ceramah anjuran PAS selesai pada waktu jauh malam.

Memetik dan menganalisa "bahan kedua" seperti akhbar dan majalah juga menimbulkan masalah. Banyak dari bahan-bahan tersebut dibuat tanpa penyelidikan yang mendalam oleh pihak-pihak tertentu. Jadi pengkaji terpaksa memilih dan mengkaji semula untuk disesuaikan dengan kajian ini.

### 1.6 Konsep-konsep

Ada beberapa konsep-konsep asas yang sering ditemui bila membicarakan soal politik. Antaranya ialah seperti berikut:

- i. Pengaruh
- ii. Kepimpinan
- iii. Parti politik
- iv. Ideologi
- v. Isu-isu

#### i. Pengaruh

Pengaruh ialah kemampuan seseorang dan kebolehannya menarik perhatian orang lain untuk mengikut arahannya. Dalam konteks politik ialah kebolehuan seseorang pemimpin mempengaruhi penyokong-penyokongnya. Golongan penyokong pula merasakan percakapan dan perbuatan pemimpin itu adalah benar dan perlu diikut. Maknanya tidak terdapat sebarang paksaan dimana penyokong boleh memilih sama ada mereka suka atau tidak. Bagi Banfield, pengaruh ialah;

"Influence" is meant ability to get others to act, think, or feel as one intends. A mayor who persuades voters to approve a bond issue exercises influence. A businessman whose promises of support induce a mayor to take action exercise influence. 1

Talcott Parson pula memberi takrifan tentang Pengaruh ialah;

Influence is a way of having an effect on the attitudes and opinions of others through intentional action - the effect may or may not be to change the opinion or to prevent a possible change. 2

Pengaruh boleh memberi kesan ke atas orang yang terkena. Ia mungkin boleh mengubah pemikiran seseorang untuk bertindak ke atas sesuatu perkara atau tindakan. Namun begitu ia juga mungkin tidak dapat mengubah pemikiran individu walaupun ia menerima atau terkena pengaruh tersebut. Ini kerana unsur paksaan tidak perlu dalam kes pengaruh. Tetapi sebaliknya diterima secara sukarela dan atas dasar kesedaran diri sendiri.

Pendapat Scruton tentang "influence" atau pengaruh ialah;

Influence is a form a power, distinct, however, from control, coercion, force and (probably) interferences. It involves affecting the conduct of another through giving reasons for action short of threats; such reasons may refer to his advantage, but they must have weight for him, so as to affect his decision. The influenced agent, unlike the agent who is coerced, acts freely, He may choose to ignore those consideration which influence him, and he may himself exert control over the influencing power. 3

Pada kebiasaananya orang atasan akan mempengaruhi orang-orang bawahan. Namun ada juga berlaku dimana golongan bawahan boleh menge-nakan pengaruhnya ke atas pemimpin-pemimpin atau "establishment". Bagaimanapun pengaruh tersebut tidak semestinya diikuti malah masing-masing boleh memilihnya sama ada ingin ikut ataupun menolaknya.

Laswell pula memberi definisi pengaruh ialah seperti berikut;

The study of politic is the study of influence and influential ..... , the influential are those who get the most of what there is to get. 4

Jadi memang benarlah orang yang mempunyai pengaruh itu dapat membuat sebarang keputusan dan keputusan itu pula boleh diterima umum. Ini jelas seperti yang dilakukan oleh mana-mana kerajaan sekalipun di dunia ini.

## ii. Kepimpinan

Ia lahir dari konsep pemimpin, iaitu kebolehan individu untuk memimpin sesebuah pertubuhan atau masyarakat. Biasanya pemimpin itu lahir dari golongan atasan atau elit. Ini terbukti kebanyakan Perdana Menteri Malaysia dari dulu hingga sekarang adalah terdiri dari golongan ini. Kepimpinan atau "leadership" bolehlah ditakrikan seperti berikut;

...as the relation between an individual and a group built around some command interest and behaving in a manner directed or determined by him. 5

Individu yang dikatakan mempunyai kepimpinan yang baik ialah mampu membuat keputusan atau arahan kepada orang lain melalui perhubungan yang ada. Ia mungkin didasarkan atas sebab adanya kepentingan bersama. Kepimpinan yang baik adalah orang yang tidak menggunakan paksaan ke atas orang lain supaya menerima buah fikirannya.

..... the relation of leadership arises only where a group follows an individual from free choice and not under command or coercion ..... 6

Kita juga dapati kepimpinan itu boleh dibentuk ke atas individu. Ini dapat dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh parti-parti politik misalnya. John D. Lees ada mengatakan bahawa:

A major rationale for the existence of a political party is to compete for and hold political office at all levels of government. To do this, party procedures are set up whereby individuals are recruited and selected to compete for political office..... 7

### iii. Parti Politik

Parti politik ialah satu pengelompokan atau perkumpulan masyarakat yang bertindak untuk mendapatkan kuasa dalam sesebuah kerajaan atau pentadbiran. Di dalamnya terdapat satu struktur organisasi yang menghubungkan pemimpin-pemimpin diperingkat pusat kepada rakyat sehingga mewujudkan satu keadaan yang bersatu dalam kumpulan itu.

It designated organizations whose goal was the capture of public office in electoral competition which one or more other parties. 8

Ia sememangnya bertujuan untuk menguasai pentadbiran awam melalui pilihanraya yang diadakan oleh kebanyakan negara. Melalui pilihanraya, bermakna parti yang menang adalah diberi mandat untuk

Sebaliknya menjadi kewajiban kepada parti itu untuk memenuhi kepentingan awam.

iv. Ideologi

Ideologi adalah merupakan suatu landasan atau garisan perjuangan yang diamalkan oleh sebuah parti. Setiap perjalanan, perlembagaan dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya adalah didasarkan kepada ideologi itu. Ianya juga bertindak sebagai asas penyatuan ahli-ahli yang berada di dalamnya.

Ideologi atau sistem nilai itu adalah berbeza-beza di antara satu parti dengan parti yang lain. PAS umpamanya, mendasarkan ideologinya kepada Islam secara menyeluruh. UMNO pula berpegang kepada konsep bangsa dan kebangsaan tetapi tidak menolak Islam. Perbezaan dalam ideologi menyebabkan perjalanan dan perjuangannya berbeza.

.... an ideology is an integrated system of principles ...  
observations whose intent is to provide society and its  
members with a doctrinal basis for faith, evaluation,  
and action in life.<sup>9</sup>

Ia juga dilahirkan dalam bentuk yang lebih jelas dan disebarluaskan kepada umum dengan dinamakan manifesto. Setiap parti mempunyai manifestonya tersendiri yang tidak lari dari garisan ideologi tadi. Orang ramai akan terpengaruh dengan ideologi politik yang disebarluaskan

keatasnya. Barbara Goodwin ada menyatakan bahawa;

Most people are influenced by political ideology,  
whether they knowingly subscribe to it or unconsciously  
absorb it as part of received opinion..... 10

Ia menunjukan bahawa penyebaran ideologi akan mempengaruhi  
masyarakat sama ada mereka sedar atau tidak. Ini menunjukkan penga-  
ruh ideologi sangat penting ke atas kehidupan masyarakat.

iv. Isu-isu

Isu adalah satu alat yang digunakan oleh parti-parti politik  
untuk menarik perhatian umum. Hal yang demikian begitu jelas berlaku  
semasa kempen-kempen pilihanraya diadakan. Dengan menggunakannya  
parti tersebut akan dapat sokongan yang baik dari orang ramai. Pihak  
yang terkena pula akan menerima kesan buruk dari isu-isu yang diada-  
kan. Ini terbukti di Sabah dimana kerajaan Berjaya telah digulingkan  
oleh parti PBS dengan menggunakan isu-isu semasa.

Isu juga adalah begitu penting untuk menentukan corak pengun-  
dian dalam pilihanraya. Misalnya;

Class issues in some general sense are important in  
determining the political allegiances of voters. 11

Walau apapun isu yang digunakan, yang penting ialah peranannya dalam

menarik pengundi untuk memilih pemimpin yang dianggap baik dan berpotensi. "Many of them do identify their stand on particular issues with the stand of their party."<sup>12</sup>

Dalam pilihanraya 1969 misalnya, isu "korupsi" yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan Terengganu telah hampir menjatuhkan kerajaan tersebut. PAS memperolehi 11 kerusi DUN daripada 24 yang di pertandingkan.

Nota Kaki

1. E. C. Banfield, Political Influence, MacMillan Publ, New York, 1961, m.s. 3.
2. Talcott Parson, Politic And Social Structure, The Free Press, New York, 1969, m.s. 406.
3. Sctuton, ed, Dictionary Of Political Thought, MacMillan, London, 1982, m.s. 224.
4. Laswell, Harold E., Political Writings, Greenwood, Connecticut, 1951, m.s. 295.
5. Edwin R.A, ed, Encyclopedia Of The Social Sciences, MacMillan, N. York, 1967, Vol. ix, m.s. 282.
6. Ibid, m.s. 282.
7. Lees, Political Parties In Modern Britain, An organization and functional guide.
8. David L.S., ed, International Encyclopedia of the Social Sciences, MacMillan & Free Press, N. York, Vol. 11, m.s. 428.
9. Gilbert Abcarian, Contemporary Political Systems, Charles Scribner's son, N. York, 1970, m.s. 64.
10. Barbara GoodWin, Using Political Ideas, John Waley & Sons, New York, 1982, m.s. 3.

11. Howard R.P., The American Political Process, D.V Nostrand Company, N. York, 1962, m.s. 40.

12. Ibid, m.s. 41.

## BAB II

### LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

#### 2.1 Terengganu

Luas negeri Terengganu ialah 5005 batu persegi. Terletak di antara garis lintang 3°-6° darjah dan pada garis bujur 103°-104° darjah. Terengganu disempadani oleh Kelantan di sebelah barat, Pahang di sebelah selatan dan Laut Cina Selatan di sebelah timur.

#### i. Penduduk

Jumlah penduduk Terengganu dalam tahun 1985 ialah 615.3 ribu orang.<sup>1</sup> Kadar pertambahan dari tahun 1980 hingga 1985 ialah 2.5% setahun. Kalau diperhatikan perbezaan jumlah penduduk mengikut bangsa, ia adalah amat ketara. Ini dapat dibuktikan seperti dalam jadual di bawah.

#### JADUAL 2.1 : 1

Peratus Penduduk Mengikut Etnik Bagi Terengganu bagi tahun 1974 - 1985.

Bangsa	Bilangan (%)
Melayu	94.2%
Cina	5. 1%
India dan Lain-lain	0. 7%

Sumber: Pejabat Perangkaan Terengganu.

ii. Ekonomi

KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) menjelang tahun 1985 ialah \$1,333 juta. Tenaga buruh pula ialah 214,000 orang semuanya. Jadi di sini kadar pengangguran masih tetap tinggi iaitu 8.1% pada tahun 1981.

iii. Dasar Dan Strategi Pembangunan

Tiga matlamat pembangunan yang ditekankan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

- i. Mewujudkan gunatenaga penuh bagi kumpulan tenaga kerja yang ada dan yang akan memasuki pasaran buruh.
- ii. Meninggikan KDNK perkapita bagi Terengganu keperingkat purata negara.
- iii. Menentukan agihan pendapatan lebih saksama dan membantu rakyat yang kurang mampu.

iv. Agama Dan Pendidikan

Jabatan Hal Ehwal Agama bertanggongjawab ke atas perkembangan kerohanian penduduknya. Tujuannya ialah untuk diselaraskan dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat agar dapat melahirkan masyarakat progresif yang berteraskan keislaman. Pengetahuan agama itu disalurkan dari peringkat kanak-kanak sehingga ke orang dewasa.

v. Politik

Semenjak tahun 1978 iaitu semasa pilihanraya umum diadakan, suasana politik di Terengganu sentiasa tegang. Sebelum ini keadaan ini pernah wujud tetapi tidaklah sehebat sekarang. Pergeseran terjadi di antara 2 parti utama iaitu PAS dan UMNO yang bertentangan dalam semua aspek.

Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri pula, dalam matlamatnya untuk melicinkan perjalanan pilihanraya, telah membahagikan dan membentuk beberapa kawasan-kawasan pilihanraya baru sama ada bagi DUN ataupun Parlimen. Kawasan parlimen yang sebelum ini cuma 6 sahaja telah ditambahkan kepada 8 kawasan. Dalam setiap satu kawasan parlimen mengandungi 4 kawasan DUN. Perkara ini dapat diperhatikan dalam jadual di bawah.

JADUAL 2.1 : 2

Jumlah Pengundi Berdaftar Dalam Negeri Terengganu  
(1986) Mengikut Kawasan Pilihanraya Perlimen.

30 - Besut	32,749
31 - Setiu	29,793
32 - Kuala Nerus	31,682
33 - Kuala Terengganu	48,621
34 - Marang	33,206
35 - Hulu Terengganu	28,941
36 - Dungun	35,422
37 - Kemaman	32,931
	273,345

## LATAR BELAKANG KAWASAN DUN RU RENDANG

---

### 2.2 Kedudukan

Kawasan ini ialah kawasan pilihanraya yang baru diwujudkan. Sebelum ini ia dinamakan DUN Marang. Selepas semakan semula kawasan oleh Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri pada tahun 1986, maka DUN ini diwujudkan dengan garis sempadan adalah lebih kurang sama dengan DUN Marang yang dulu. Dalam masa yang sama daerah Marang telah dinaikkan tarafnya menjadi satu kawasan parlimen yang mengandungi DUN Ru Rendang, Binjai, Serada dan Bukit Payong.

Ru Rendang terletak di kilometer 8 hingga ke kilometer 20 1/2 disepanjang jalan utama Kuala Terengganu - Dungun. Sebahagian besar dari kawasannya terletak di tepi pantai disenjang jalan tersebut.

### 2.3. Penduduk

Kira-kira 98.6% penduduknya terdiri daripada orang-orang melayu yang beragama Islam. Bagaimanpun terdapat juga sebahagian kecil bangsa Cina dan India. Mereka ini tinggal di kawasan Bandar Marang dan sekitar kilang-kilang papan. Jumlah penduduknya pada tahun 1984 ialah 29,566 orang. Orang-orang Melayu merupakan golongan majoriti iaitu 29,120 orang (98.5%), Cina 379 orang (1.2), India 23 orang (0.07%) dan lain-lain bangsa 34 orang (0.11%).

JADUAL 2:3 : 1

Anggaran Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Jantina Dan Tahun Bagi

Daerah Marang : 30. Jan. 1981 - 30. Jan. 1984.

Tahun	Jumlah		Melayu			China			India			Lain-lain			
	Jumlah Lelaki Peremp		Jumlah Lelaki Peremp		Jumlah Lelaki Peremp		Jumlah Lelaki Peremp		Jum Lelaki Perem		Jum laki pe				
	Jumlah	Lelaki	Jumlah	Lelaki	Jumlah	Lelaki	Jumlah	Lelaki	Jumlah	Lelaki	Jumlah	Lelaki	Jumlah	Lelaki	
1981	26,636	13,322	13,314	26,219	13,095	13,228	364	196	168	23	17	6	30	18	12
1982	27,647	13,833	13,814	27,223	13,624	13,624	367	197	170	24	17	7	33	20	13
1983	28,572	14,315	14,257	28,141	14,063	14,063	373	200	173	24	16	8	34	21	13
1984	29,556	14,795	14,761	29,120	14,565	14,565	379	204	175	23	15	8	34	21	13

Sumber: Pejabat Perangkaan Negeri Terengganu

Peluang-peluang pekerjaan perniagaan dan perindustrian perkilangan amatlah kurang. Itulah sebabnya minat dari etnik-etnik lain untuk tinggal di sini amatlah rendah. Dari segi jumlah jantina pula keadaannya adalah seimbang. Jumlah penduduk lelaki ialah 14,795 (50.06%) dan perempuan ialah 14,761 (49.94%).

Menjelang tahun 1986 penduduknya menjadi 50,008 orang kerana kawasan sempadan telah diluaskan sehingga merangkumi Binjai, Serada, Bukit Payong dan Ru Rendang sendiri. Daerah Marang sekarang meliputi kawasan seluas 68394.62 hektar.

#### 2.4 Ekonomi Dan Pekerjaan

Sebilangan penduduk di sini terlibat dengan kegiatan menangkap ikan kerana keadaan kampung mereka terletak disepanjang persisiran pantai. 100% dari kalangan nelayan terdiri daripada bumiputera. Purata pendapatan bulanan mereka ialah \$330 bagi "taikong" dan \$220 bagi "awak-awak" (pengikut).<sup>3</sup>

Kegiatan ekonomi mereka agak terbatas disebabkan adanya musim tengkujoh. Bagi mereka yang tinggal di mukim Batangan dan Sentol Patih (2 mukim lain dalam kawasan DUN Ru Rendang), mereka pula bekerja sebagai penanam padi dan sayur-sayuran sahaja. Oleh itu pendapatan mereka lebih rendah lagi dari nelayan.

Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah mengambil langkah dengan menghantar sebahagian daripada mereka ke kawasan "tanah rancangan". anjuran FELDA dan FELCRA di seluruh negara. Teknologi perikanan ditingkatkan sama dengan membesarkan bot-bot dan pukat agar mereka boleh sampai ke laut dalam.

Bagaimanapun sistem pemasaran ikan telah menghalang usaha meninggikan pendapatan mereka. Taukeh-taukeh yang sebahagian besarnya terdiri dari orang-orang Cina, telah menetapkan sendiri harga ikan. Jadi tidak wujud lagi konsep tawar-menawar dalam proses penjualan. Dalam soal ini nelayan semacam tidak ada pilihan lain khasnya nelayan pukat jerut.

## 2.5 Politik

Kebanyakan daripada penduduk di sini sama ada dari penyokong PAS atau UMNO memandang buruk terhadap politik. Ini kerana berlaku konflik politik yang akhirnya menular ke dalam semua aspek kehidupan mereka. Perkara ini begitu jelas sekali berlaku di Ru Rendang. Setengah daripada mereka menjadi pasif terhadap politik. Walaupun realiti nyata perkembangan politik di sini amat pesat dan berkesan.

Kalau dilihat dari segi organisasi, ternyata UMNO adalah lebih kukuh dan tersusun. Namun tidak dinafikan sering terjadi juga krisis dalamannya. Kebanyakan rancangan yang dirancangkan dapat di-

laksanakan dengan baik. Ini kerana UMNO adalah parti yang paling matang dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Hal ini diakui sendiri oleh Ketua Pemuda PAS pusat iaitu Haji Mustafa Ali.

Jika UMNO atas sifatnya UMNO dan Barisan Nasional, kita boleh melawan bila-bila masapun. Tetapi UMNO menggunakan jentera kerajaan seperti KEMAS, JKKK, dan lain-lain agensi. Bukan satu perkara yang mudah berdepan dengan kerajaan. 4

Sebaliknya kegiatan ceramah anjuran PAS ternyata lebih berjaya di sini. "Information" yang disampaikan secara "direct" oleh pemimpin PAS telah menjadikan pengaruhnya di sini amat kuat. Berbagai-bagai isu setempat dan nasional digunakan disamping kepakaran mereka dalam arena berpidato.

Kalau dilihat dari berbagai-bagai aspek, kedua-dua parti mempunyai kekuatan yang seimbang. UMNO tidak boleh berbangga dengan kekuasaan yang mereka milik sekarang dan PAS tidak boleh mengaku kuat kerana masih dapat mengekalkan kerusi DUN di situ. Ini jelas, sejak dari tahun 1978 tidak ada calon dari kedua-dua parti yang mendapat majoriti lebih dari 1000 undi.

## 2.6 Infrastruktur

Ru Rendang mempunyai berbagai-bagai kemudahan asas. Misalnya dari segi perhubungan, pengangkutan, saluran paip dan elektrik, perubatan, pelajaran dan penempatan. Pembangunan ini dibuat selaras dengan kenaikan taraf beberapa kawasan utama seperti mukim Rusila, Seberang Masang dan Bandar Marang dengan kemasukannya di bawah Majlis Perbandaran Marang.

### i. Perhubungan

Rangkaian jalan-jalan raya ke setiap mukim seperti Rusila, Marang, Seberang Marang, Sentol Patah dan Batangan adalah amat baik. Mukim yang paling akhir sekali disiapkan jalannya ialah Batangan iaitu pada tahun 1984. Ini bermakna semua jalan utama ke tempat-tempat tersebut mempunyai jalan berturap (tar). Malah dengan itu kebanyakan penduduk dapat berulang-alik setiap hari ke Bandar Marang dengan mudah.

Di samping itu lebih dari 60% dari penduduknya mempunyai alat sebaran am seperti radio dan televisyen. Keadaan ini sedikit sebanyak menggambarkan keadaan pendapatannya semakin teguh. Ia juga menyebabkan pengetahuan politik mereka semakin tinggi.

### ii. Pelajaran

Penduduk di sini masih ramai yang buta huruf. Kemiskinan yang wujud sejak turun-temurun menjadi batu penghalang untuk mereka maju dalam pelajaran. Cuma sejak akhir-akhir ini keadaan sudah mula berubah setelah ibu bapa mempunyai kesedaran tentang pentingnya pelajaran anak-anak. 50% dari kalangan ibu bapa adalah terdiri dari mereka yang tidak tahu membaca.

Dalam DUN ini terdapat sebanyak 5 sekolah kebangsaan dan 2 sekolah menengah. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- i. Sekolah Kebangsaan Marang
- ii. Sekolah Kebangsaan Rusila
- iii. Sekolah Kebangsaan Seberang Marang
- iv. Sekolah Kebangsaan Sentol Patah
- v. Sekolah Kebangsaan Batangan

Sekolah menengah pula ialah Sekolah Menengah Marang dan Sekolah Menengah Agama (Atas) Marang. Kedua-duanya terletak di Bandar Marang.

### iii. Penempatan

Kemiskinan menyebabkan ramai di antara mereka yang tidak memiliki rumah sendiri, terutama mereka yang baru berkahwin. Rumah-rumah

di sini pula adalah tidak tersusun dan tidak mempunyai sistem pembuangan najis yang baik.

Bagi mengatasi masalah ini kerajaan mengambil anisiatif membina rumah-rumah kos rendah dengan memperuntukkan lebih dari \$12 juta dalam tempoh 1974-1978. Rumah-rumah ini dibina secara berperingkat-peringkat, misalnya Rusila I, Rusila II dan Rusila III. Sepanjang tempoh itu jumlah yang dibina ialah 513 unit. Dengan cara tidak langsung jumlah penduduk di sini telah bertambah kerana terdapat sebahagian kecukupan penduduknya adalah orang-orang luar. Hal ini dapat diperhatikan dalam jadual di bawah.

Jadual 2.6 : 1

Projek-projek Yang Disiapkan Antara Tahun 1974-1978

Bagi Daerah Marang (Ru Rendang).

Bilangan	Nama Projek	Jenis & Bil. Unit	Jumlah Kos
1	Rusila I	85 (S)	\$1,890,351.15
2	Rusila II	121 (T)	\$2,658,282.24
3	Rusila III	139 (S)	\$3,120,126.61
4	Seberang Marang	168 (S)	\$4,561,628.00
Total		513	\$12,230,400.00

Sumber: Laporan 10 Tahun Pembangunan Terengganu (1974-1984), Terbitan Kerajaan Terengganu, Percetakan Orkid, Subang Jaya, 1985,  
m.s. 31.

iv. Lain-lain Kemudahan

Kemudahan lain seperti penyalutan paip air dan elektrik, adalah meliputi sebahagian besar kawasan tersebut. Cuma masih ramai mereka yang tidak menyalurkan terus ke rumah mereka kerana tidak mempunyai kewangan yang cukup.

Di Marang hanya terdapat sebuah sahaja klinik daerah daerah dan tidak mampu menampung seluruh penduduk di situ. Jadi apabila berlaku sebarang kecemasan, terpaksa lah dibawa pesakit tersebut terus ke Hospital Besar Kuala Terengganu yang jaraknya 18km dari Bandar Marang. Bagaimanapun klinik-klinik bidan terdapat di kesemua mukim dalam DUN Ru Rendang.

Nota Kaki

1. Laporan 10 Tahun Pembangunan Negeri Terengganu (1974-1984), Keluaran Kerajaan Terengganu, Percetakan Orkid, Subang Jaya, 1985, m.s. 31.
2. Kawasan Parlimen Setiu dan Marang adalah 2 kawasan yang baru diwujudkan iaitu pada tahun 1986. Data ini berdasarkan semakan semula kawasan pilihanraya pada awal tahun 1986 dan bukannya semakan semula yang dibuat kemudian pada pertengahan 1986.
3. Op. cit, m.s. 60.
4. Idzan Ismail, Utusan Malaysia, Khamis, 24hb. Julai 1986, m.s. 8, ruang 1.

### BAB III

#### SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PAS RU RENDANG

##### 3.1 Sejarah Penubuhan PAS Terengganu

PAS Terengganu ditubuhkan pada pertengahan tahun 1956. Pada masa itu, kebanyakannya daripada ahli jawatankuasanya adalah dari kalan-  
gan mereka yang berpendidikan agama (pondok). Pada tahun tersebut Setiausaha Agong PAS pusat iaitu Ustaz Osman Abdullah telah datang ke kampung Tengah, Dungun dan merasmikan cawangan PAS yang pertama di situ. Penubuhan ini telah dipersetujui oleh Haji Zainal Abidin<sup>1</sup> dan murid-muridnya. Selepas dari itu barukah ditubuhkan Pejabat Perhubungan PAS Terengganu yang juga berpuamat di Dungun.

Dalam perkembangan awal ini Haji Zainal Abidin sendiri dilantik sebagai Ketua PAS Dungun. Ustaz Osman bin Mohamad<sup>2</sup> sebagai naib-nanya. Jawatan Setiausaha Agong disandang oleh Mohamad bin Ali.<sup>3</sup> Mereka ini adalah golongan yang berpendidikan pondok. Ahli Jawatankuasa Kerja pula terdiri daripada Kapten Abd. Majid bin Awang, Kapten Abu bin Hitam dan Mohamad bin Abdullah.<sup>4</sup> Ahli Jawatankuasa yang berpendidikan pondok dan agama ialah Ustaz Salleh bin Mohd. Zain, Haji Engku Mahmud bin Wok, Haji Wan Abas bin Abdullah, Haji Isa bin Abdullah dan Haji Wahab bin Yunus.<sup>5</sup>

"Pada asanya prinsip perjuangan PAS adalah didasarkan kepada Islam. Tetapi dalam suasana hampir mencapai kemerdekaan, semangat nasionalisme dilaungkan sama terutama untuk menarik sokongan dikalangan orang-orang melayu yang tidak kuat berpegang kepada agama.<sup>6</sup> Dasar yang dipegang oleh mereka ialah, "The PAS does not take account of group or race, leftism or rightism, Shafii or Hanafi, but, by fighting for its aspiration, it is solely as a real Islamic Union demanded by Allah".<sup>7</sup>

Ideologically, PAS was a Malay nationalist and Islamic party. It was fact more concerned with Malay nationalist issues than with Islam, but religion gave the party cohesion and an identity. The party's slogan; "Bangsa, Agama, Tanah Air" (race, religion, native land) had a simple and powerful symbolic appeal.<sup>8</sup>

Menyedari konsep "nasionalisme" itu terlalu menonjol, maka dalam Dalam Muktamar Agong PAS pada tahun 1962, Ustazah Wan Azizah, wakil dari Terengganu telah menyarankan agar konsep itu disingkirkan terus dari perjuangan parti.<sup>9</sup> Usul itu telah diterima oleh kebanyakan para perwakilan. Namun begitu konsep tersebut tetap diamalkan sehingga pada pilihanraya umum tahun 1978.

Sejak dari tahun 1959 hingga sekarang, 2 isu pokok telah meningkatkan imej PAS iaitu "menentang Perlembagaan Negara" dan "mendaulatkan Islam" dalam semua aspek kehidupan. Dengan isu-isu itu juga, maka pada tahun 1959 PAS berjaya menguasai negeri Terengganu.



Ustaz Umar Syukri bin Embong. Beliau adalah salah seorang pendokong kuat PAS Terengganu pada peringkat awal hingga sekarang.. Pernah memenangi 3 kali kerusi DUN Sura (tahun 1959, 1969 dan 1974)

Bagaimanapun PAS hanya berkuasa selama 2 tahun sahaja. Menjelang bulan Oktober 1961 ia telah digulingkan melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri atas tajaan parti Perikatan yang dipimpin oleh Ibrahim Fikri.<sup>10</sup> Sebelum dari itu telah berlaku perselisihan antara Ahmad Azam dan pucuk pimpinan PAS pusat. Ahmad Azam telah memohon kepada Dr. Burhanuddin (Yang Dipertua Agong PAS) agar dia diberikan kuasa penuh bagi menghadapi penentang-penentangnya dari PAS Terengganu sendiri, tetapi telah ditolak. Ini menyebabkan beliau telah meletak jawatan.

After Ahmad Azam's resignation the PMIP lost its clear majority, having only 12 seats (including the speaker), as against 7 for the Alliance, 4 for Party Negara and 1 independent (Ahmad Azam). In the legislative Assembly Ahmad Azam voted against key government measures, but abstained on "no confidence" votes to allow a tie which was broken by the PMIP speaker. Because of the deadlock, the PMIP Government attempted to carry on without convincing the legislative Assembly, which did not meet for seven months.

When the Assembly finally convened, the PMIP (PAS) Government fell on a "no confidence" motion, at which time 2 PMIP members and all 4 Party Negara members joined the Alliance Party. Two other PMIP members abstained on the crucial vote. The six assemblymen that joined the Alliance enabled that party to form a new government without the necessity of holding new election, with a 13 to 11 majority, the Alliance obtained a working majority which enabled it to operate the state government for the period until the next general elections. 11

Kegagalan PAS meneruskan pemerintahannya adalah kerana pemimpin PAS tempatan masih belum bersedia memimpin negeri di samping organisasinya yang tidak kukuh. Barisan kepimpinan negeri tidak cukup kuat dan cekap untuk dapat mempertahankan kuasa yang diluar jangkaan itu.<sup>12</sup> Tambahan pula terdapat mereka yang bukan berasal dari Terengganu telah bertanding atas tiket PAS. Misalnya, "...Ustaz Ahmad Azam a native of Perak who had recently migrated to Terengganu".<sup>13</sup>

Menjelang tahun 1970 an, suasana politik Terengganu mula berubah. "The most significant political event in the three-year history of Nik Hassan's government was the formation in January 1973 of the coalition with PAS."<sup>14</sup>

Penyatuan itu wujud selepas ditandatangani perjanjian di antara Tun Abd. Razak dan Datuk Mohd. Asri Haji Muda diperingkat kebangsaan dan seterusnya diselaraskan ke seluruh peringkat.

In Terengganu, as in Kelantan, the electoral marriage between PAS and UMNO was conceived as the surest and most practical way of ending the traditional rivalries ..... " 15

Namun pergeseran di antara kedua-dua parti itu telah tercetus semula apabila PAS telah keluar semula dari Barisan Nasional pada tahun 1977.

## SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PAS RU RENDANG

### 3.2 Penubuhan

Cawangan PAS Marang (Ru Rendang) ditubuhkan pada tahun 1962. Iaitu selepas 5 tahun Malaysia mencapai kemerdekaannya. Tempat penuhuan pula ialah di balairaya lama Bandar Marang. Perasmianya telah dilakukan oleh Syed Sabri bin Abu Bakar yang berasal dari kampung Tanjung, Kuala Terengganu. Sebab utama ditubuhkan cawangan ini kerana timbul rasa tidak puas hati orang ramai terhadap wakil rakyat UMNO, Nordin Haji Mamat yang berkuasa di Marang pada masa itu.

Semua ahli jawatankuasanya terdiri dari mereka yang berpendidikan agama atau pondok. Khatijah binti Sidek yang berasal dari Pahang telah dilantik sebagai Ketua yang pertama. Timbalannya ialah Syed Sabri bin Abu Bakar sendiri. Setiausaha Agong ialah Haji Ali bin Yusof (berasal dari kampung Seberang Marang) dan Bendaharinya ialah Ismail Abdullah (juga berasal dari Marang). Di antara ahli jawatan-kuasa biasa ialah Abu Bakar bin Mohamad, Salleh bin Taib dan Ghani bin Abdullah. Abu Bakar pula adalah berasal dari Dungun.

Antara lain penubuhannya ialah;

..... that an attempt would be made to establish an Islamic brotherhood to secure the above political and Islamic aims, and that to achieve democracy and human rights PAS was prepared to work with other

organisations not opposed to Islamic teachings.<sup>16</sup>

### 3.3 Amalan Politik

Pada peringkat awal kegiatan parti hayalah pada musim pilihan-raya sahaja. Oleh itu krisis secara terbuka tidak wujud pada masa itu. Setiap polisi dan rancangan hanya dinyatakan pada musim tersebut. Misalnya seperti yang dilakukan oleh PAS;

The party constitution was amended to make its first objective independence, and its second the struggle to secure the aims of Islam in society generally and in the form of government particularly. <sup>17</sup>

Sebaliknya PAS Ru Rendang didekad 80-an ini ternyata jauh berbeza dengan masa itu. Di bawah pimpinan Haji Hadi politik telah dijadikan sebahagian dari cara hidup harian. Tambahan pula hampir setiap hari ceramah-ceramah agama yang berbau politik telah dijalankan dalam DUN ini. Misalnya setiap pagi jumaat, kuliah pagi diadakan di masjid Kampung Rusila dan hari rabu malam di masjid Kampung Rumuda.

### 3.4 Pemimpin

Golongan pemimpin diawal penubuhan PAS Marang, adalah terdiri dari golongan tua berfahaman konservatif dan berpendidikan pondok. Mereka lebih bertolak-ansur terhadap parti lawan dan cenderung untuk

bekerja-sama dengan parti lawan.

Sebaliknya pemimpin-pemimpin sekarang adalah terdiri daripada golongan intelektual Islam dan dalam pergerakan politik. Kebanyakannya sama ada dari lulusan universiti tempatan atau dari Timur Tengah. Misalnya Haji Hadi adalah Sarjana dalam politik Islam dari Universiti Kaherah, Mesir. Oleh itu mereka ini sangat peka terhadap isu-isu semasa. Mereka juga tahu untuk mengkritik dasar-dasar kerajaan yang dianggapnya bertentangan dengan dasar-dasar partinya.

### 3.5 Pilihanraya DUN Ru Rendang (1959-1986)

Pilihanraya tahun 1959 adalah titik permulaan bagi parti PAS dalam meneroka proses pilihanraya di Terengganu. Pada masa itu DUN Ru Rendang dikenali sebagai DUN Marang.

Sebanyak 4 buah parti telah bertanding di kawasan ini iaitu parti UMNO, PAS, Parti Negara dan Front Sosialis (sekarang ialah PSRM). Calon-calon yang bertanding terdiri daripada Nordin Haji Mohamad dari parti UMNO, Mohamad Taib Sabri dari PAS, Haji Saman dari parti Negara dan Abu Bakar dari parti FS. Dalam pertandingan ini telah dimenangi oleh calon PAS dengan mendapat 2,421 undi. Gambaran lengkap tentang pilihanraya umum dari tahun 1959-1986 ada dimuatkan dalam jadual di sebelah.

Jadual 3.5 : 1

Jumlah Pengundi Mengikut Calon, Parti Dan Wakil Rakyat  
(1959-1986) Bagi DUN Marang (Ru Rendang)

Tahun	Jumlah Pengundi	Calon	Bilangan Undi	Wakil rakyat
1959	6,074	Nordin Hj. Mohamad (UMNO) Mohd. Taib Sabri (PAS) Mohd. Taib Ismail (P.Negara) A. Bakar Saman (FS)	1130 2421 798 95	PAS
1964	7252	Abdullah Mohamad (UMNO) W. Ismail W. Muda (PN) Mohd. Salleh Ali (FS) Mohd. Taib Ismail (PAS)	2930 250 155 1812	UMNO
1969	7251	Kassim Ahmad (PAS) Abdullah Mohamad (UMNO)	3775 2700	PAS
1974	6658	Kassim Ahmad (PAS/BN) Ishak Salleh (Bebas) Mohd. Rahim Abdullah PSRM Mamat Ismail (Bebas)	3102	PAS
1978	7142	Tg. Zahid Musa (BN/UMNO) Hj. Hadi Awang (PAS)	2686 2618	UMNO
1982	8497	Tg. Zahid Musa (BN) Hj. Hadi Awang (PAS)	3473 3606	PAS
1986	7943	Hj. Hadi Awang (PAS) Abd. Latif Muda (BN)	3470 2939	PAS

Sumber: Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Terengganu.

Pada tahun 1964 PAS diwakili oleh Haji Taib Ismail yang pada tahun 1959 bertanding atas tiket UMNO. UMNO diwakili oleh Abdullah Mohamad, Front Sosialis oleh Mohd. Salleh Ali dan Parti Negara oleh Wan Ismail Wan Muda. Kemenangan telah memihak kepada calon Perikatan dengan majoriti 2,930 undi.

Konfrontasi yang mula tercetus pada awal tahun 1963, di antara Malaysia dan Indonesia telah menjadi isu utama. ".... the Alliance used them as election issues, while some of the opposition parties, notably the SF and PMIP (PAS), were placed at the disadvantage, because, especially after the start of confrontation, their opposition to Malaysia was difficult to distinguish from lack of patriotism."<sup>18</sup>

Sebaliknya PAS yang begitu lantang menggunakan isu kafir-meng-kafir, hak dan kedudukan orang Melayu<sup>19</sup>, tidak mampu menjamin kemenangan ke atas calon mereka. Dalam masa yang sama UMNO mengeluarkan kenyataan bahawa;

To stress the importance of this plea, attempts were made to show how each of the other parties was or had been involved in some way with "anti-national" or "anti-Malaysia" activities and how a vote for any of them could therefore be construed to be a vote for Soekarno. 20

Kenyataan tersebut ditujukan khas ke atas 2 parti iaitu PAS dan BN. Dengan isu tersebut telah memberi kemenangan kepada calon UMNO.

Pada pilihanraya tahun 1969, hanya 2 parti sahaja yang bertanding iaitu PAS dan UMNO. Ini kerana kebanyakannya dari pemimpin parti FS telah ditangkap. ".... the activities of the SF were physically weakened by the arrest of some of their workers for reasons of internal security."<sup>21</sup> Dalam pilihanraya ini Kassim Ahmad dari parti PAS telah memenangi kerusi tersebut.

Perkara yang menjadi modal utama PAS semasa berkempen, ialah penyelewengan dalam pertadbiran serta rasuah yang diamalkan oleh kerajaan (UMNO) dibawah pentadbiran Ibrahim Fikri. Kekayaan beliau di tengah-tengah kemiskinan rakyat telah ditonjolkan oleh PAS<sup>22</sup> di seluruh Terengganu termasuk dalam DUN Marang.

Ibrahim Fikri and his Exco were generally seen to be putting their personnel interest before those of the state and its people. (For instance it was alleged that Fikri's house in Seberang Takir was bigger than the istana. 23

Selain dari itu "The only new issue to attain equal prominence was that of federal-state relations, brought about by the success of opposition parties in gaining political power at the state level."<sup>24</sup>

Mereka juga menuduh kerajaan pusat mengamalkan diskriminasi ke atas negeri-negeri yang pernah diperintah oleh parti PAS. Hal tersebut menjadi jelas lagi bila Tun Razak mengeluarkan kenyataan yang berbunyi; ".... if the people of the two states did not support the

Alliance the future Alliance national government might reduce their priority for assistance."<sup>25</sup>

Semasa pilihanraya umum 1974, PAS telah bertanding di atas tiket Barisan Nasional. Ini kerana "... On December 28, 1972, the coalition agreement containing a 13-point communique was signed by Tun Razak and Datuk Asri in the Prime Minister's Department."<sup>26</sup> Dengan itu maka PAS bergabung dengan BN secara resmi. Dalam pilihanraya tersebut Ustaz Kassim Ahamad sekali lagi dapat mengekalkan kerusi yang telah dipegangnya.

Suasana hubungan yang tegang kembali semula bilamana menjelang tahun 1978 akibat dari tersingkirnya PAS dari Barisan Nasional. Calon PAS kali ini ialah Haji Hadi Awang. "Two years after his return from Al Azhar, Ustaz Hadi was given a PAS ticket to contest the 1978 general elections."<sup>27</sup>

Beliau adalah lebih radikal dan tegas mengkritik kerajaan kerana dianggapnya perbuatan itu tidak melanggar prinsip Islam. Beliau juga tegas dalam menyatakan pendirian. "We are fighting for the implementation of Islamic laws and for an Islamic economic system," says Ustaz Hadi."<sup>28</sup>

Haji Hadi menentang calon dari UMNO yang diwakili oleh Tengku Zahid Musa. Namun, "Hadi at his first try came within 63 votes of

out-polling the Front."<sup>29</sup> Tengku Zahid mendapat 2,686 berbanding dengan Haji Hadi yang cuma mendapat 2,618 undi.

Isu-isu yang digunakan dalam pilihanraya tersebut oleh PAS ialah;

PAS called for alterations in the federal constitution bring it more in line with Islamic law and administration and an "Islamic State", and it criticized the government's economic development policies as being devoid of Islamic concerns. ..... PAS revived the "kafir-mengkafir" (infidel) issue and warned Muslims that there would be retribution in the hereafter for those so supporting infidels meaning UMNO candidates. <sup>30</sup>

Didalam pilihanraya tahun 1982, Haji Hadi berjaya mengalahkan Tengku Zahid dengan majoriti 133 undi. Beliau mendapat 3,606 undi sedangkan Tengku Zahid hanya mendapat 3,473 undi. Dalam pilihanraya ini PAS masih menggunakan isu agama. Sebaliknya; "The issues for Malay contest, putting UMNO against PAS mostly, were Islamic advancement and the nature of the Barisan's development strategies."<sup>31</sup>

Kewibawaan beliau sekali lagi menonjol menjelang pilihanraya umum 1986. Seluruh undi PAS dalam semua kawasan di Terengganu mengalami kemerosotan, tetapi beliau berjaya menambahkan majoritinya dari 133 kepada 531 undi pula. Dalam pilihanraya itu "Barisan Nasional (UMNO) memilih seorang siswazah, jurusan Pengajian Islam untuk menentang Naib Yang Dipertua PAS, Haji Hadi Awang bagi kerusi DUN".<sup>32</sup> Calon tersebut ialah Ustaz Latif bin Muda.

Berdasarkan rekod-rekod keputusan pilihanraya tersebut, menunjukkan bahawa, kawasan DUN Ru Rendang bukanlah merupakan milik mutlak sesebuah parti. Ini kerana majoriti yang didapati adalah sangat kecil berbanding dengan pengundi berdaftar yang berjumlah 7,943 orang.

Jadual 3.5 : 2

Jumlah Pemilih Berdaftar Dalam Negeri Terengganu  
- 1986 Bahagian Pilihanraya DUN Ru Rendang.

Mukim	No. Kod	Jumlah Pemilih
Rusila	034/15	1,850
Bandar Marang	034/16	2,715
Sentol Patah	034/17	456
Seberang Marang	034/18	2,500
Batangan	034/19	422
		<hr/> 7,943

Sumber: Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Terengganu - 1986.

Nota Kaki

1. Haji Zainal Abidin ialah pengasas dan guru yang mengajar agama di pondok kampung Tengah, Dungun, Terengganu. Beliau adalah anak watan di sini dan mempunyai pengaruh yang kuat dikalangan penduduk kampungnya. Beliaulah yang telah menjemput Ustaz Osman bin Abdullah datang ke Dungun dan menubuhkan cawangan PAS di situ.
2. Ustaz Osman Mohamad adalah kawan rapat kepada Haji Zainal Abidin dan juga murid beliau.
3. Mohamad bin Ali juga murid kepada Haji Zainal Abidin dan merupakan anak watan Dungun.
4. Ketiga-tiga mereka bekerja sebagai kelasi kapal yang mengangkut bijih besi dari Dungun ke pelabuhan Singapura. Kapten Abd. Majid berasal dari Singapura, Kapten Abu berasal dari Melaka dan Mohamad berasal dari Selangor. Kemudiannya Kapten Abd. Majid menetap di Dungun bersama dengan Mohamad. Kapten Abu kembali semula ke Melaka.
5. Semua mereka ini adalah murid kepada Haji Zainal Abidin Aman.
6. Perkara ini dinyatakan oleh Ustaz Umar Syukri Embong, AJK PAS Terengganu semasa ditemubual oleh pengkaji pada 4hb. Julai 1986.
7. Utusan Melayu, 27.Okt. 1952, disunting oleh Shafie Ibrahim, The Islamic Party Of Malaysia, It's formative Stage And Ideology, Universiti Malaya, K.Lumpur, 1981, m.s. 33.
8. Diane K. Mauzy, Barisan National; Coalition Government In Malaysia, The University of British Columbia, Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd. (Publ), Kuala Lumpur, 1983, m.s. 67.

9. Muktamar tersebut diadakan di Melaka dimana Ustaz Umar Syukri adalah salah seorang wakil PAS Terengganu ke Muktamar tersebut.
10. Husin Mohamad, 'Proses Politik dan Pilihanraya di Terengganu, 1954-1978', dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 11, 1982, m.s. 111.
11. G.P. Means, Malaysian Politics, Hodder & Stoughton Limited, London, 2nd. edition, 1976, m.s. 231-232.  
Munurut Ustaz Umar Syukri (24hb. Jun 1986), 2 orang ahli PAS yang melompat ke dalam parti Perikatan ialah Taib Sabri dan Haji Mohammad Ismail. 2 orang yang tidak hadir semasa dewan mengadakan undi semula ialah Haji Wan Said dan Haji Abd. Kadir. Mengikutnya, ketiadaan kedua-dua mereka itu juga di atas tipu muslihat yang diatur oleh Parti Perikatan.
12. Husin Mohamad, Op. Cit, m.s. 111.
13. M. Kamlin, History, Politics And Electioneering: The Case Of Terengganu, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977, m.s. 25.
14. Ibid, m.s. 31.
15. Ibid. m.s. 32.
16. John Funston, Malay Politics In Malaysia; A Study of the UMNO and Party Islam, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Kuala Lumpur, 1980, m.s. 95.
17. Loc. Cit, m.s. 95.

18. K.J. Ratnam & R.S. Milne, The Malayan Parliamentary Election of 1964, Universiti Malaya Press, K. Lumpur, 1967, m.s. 16.
19. Husin Mohamad, Proses Politik dan Pilihanraya Terengganu 1954-1978, dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, K. Lumpur, 1982, m.s. 113.
20. K.J Ratnam, Op. Cit, m.s. 111.
21. Ibid, m.s. 16.
22. Husin Mohamad, Op. Cit, m.s. 114.
23. M. Kamlin, History, Politics And Electioneering: The Case of Terengganu, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, K. Lumpur, 1977, m.s. 28.
24. N.J Funston, Malay Politics In Malaysia; A Study of the UMNO & Party Islam, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, K. Lumpur, 1983, m.s. 55.
25. Ibid, m.s. 56.
26. Diane K. Mauzy, Barisan National, Coalition Government In Malaysia, Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1983, m.s. 70.
27. Asia Week, December 17, 1982, m.s. 22.
28. Ibid, m.s. 24.
29. Ibid, m.s. 22.

30. Op. Cit, sebagaimana yang tertulis dalam Strait Times, dipetik oleh D.K. Mauzy, m.s. 129-130.
31. Ibid, m.s. 129.
32. Berita Harian, Rabu, 23hb. Julai 1986.

## BAB IV

### ORGANISASI DAN KEPIMPINAN PAS

#### 4.1 Organisasi PAS Secara Umum

Pada asasnya PAS berpegang kepada konsep "khalifah" sebagai pemegang amanah dalam organisasinya. Dalam konteks Malaysia, ialah Yang Dipertuan Agong. Namun begitu khalifah mestilah mendapat nasihat dari 'Majlis Syura' atau Majlis Penasihat sebelum khalifah membuat sesuatu keputusan. Anggota majlis ini terdiri daripada mereka yang mahir tentang Al Quran dan Al Sunnah. "The Consultative Assembly (Syura) was first instituted by Umar and it was regarded as a symbol of the existence of the legislative body in the Islamic State structure".<sup>1</sup>

Pada peringkat negeri, Menteri Besar mestilah menerima nasihat dari badan tersebut supaya segala keputusan tidak bercanggah dengan Al Quran. "Islam mestilah menjadi dasar, peraturan dan hukum syariat yang membentuk seluruh struktur negara dan membentuk sifatnya yang sebenar yang melahirkan pimpinan dan perlaksanaan yang menjamin kebahagiaan manusia sejagat dan menggunakan segala bahan yang ada hubungannya dengan manusia sebagai khalifah".<sup>2</sup>

#### 4.2 Organisasi PAS Ru Rendang

Ketua Bahagian atau Cawangan DUN Ru Rendang dipegang oleh Haji Hadi sendiri. Beliau dibantu oleh Naibnya dalam menjalankan tugas diperingkat ini. Ini kerana beliau terlibat secara langsung dengan kerja-kerja diperingkat pusat.

Satu perkembangan yang terbaharu ialah penubuhan Gerakan Muslimah diperingkat kampung. Ia mula ditubuhkan pada awal tahun 1986. Di antara tujuannya ialah untuk menarik sokongan yang padu dari golongan "atas Pagar". Mereka akan menjemput kaum wanita yang tinggal berhampiran dengan rumah penganjur. "Kegiatan tersebut ternyata berkesan dan berjaya menarik ramai penyokong".<sup>3</sup>

Perasaan taat kepada pemimpin menyebabkan organisasi mereka bertambah kuat. Pemimpin pula sering membaca ayat-ayat Al Quran seperti; "Dan hendaklah kamu menjalankan pemerintahan dikalangan mereka mengikut apa yang diturunkan oleh Allah dan janganlah kamu menu rut kemahuan nafsu mereka".<sup>4</sup>

Dalam masa yang sama mereka sangat kuat berpegang kepada Al Quran seperti maksud ayat; "Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul-rasul dan taatlah kamu kepada pemerintah dari kalangan kamu.....".<sup>5</sup>

Kekuatan organisasi PAS diakui sendiri oleh Haji Hadi.

"Organisasi kita lebih padu dari UMNO; misalnya pembentukan jawatan-kuasa peti undi telah lama kita tubuhkan dan bersiap sedia pada bila-bila masa".<sup>6</sup>

#### 4.3 Pemimpin Dan Kepimpinan

Kepimpinan yang ada sekarang didasarkan kepada kepimpinan Islam yang asal.

The first form caliphs in Islam, have become sources of reference especially with regard to the conduct of public affairs in the Islamic Empire, because it is believed that their political behaviour and their enforcement of the Islamic law are the model for muslim in the formulation of political ideology. <sup>7</sup>

Apa yang sering dibincangkan dalam soal politik ialah dari mana lahirnya kakat dan ciri-ciri kepimpinan seorang pemimpin. "Leadership are born not made; This is perhaps the most common assumption about leadership. Those who hold it maintain that there are certain inborn qualities, such as anitiative, courage, intelligence on homour, which together predictive a man to be a leader".<sup>8</sup>

Seorang pemimpin yang baik mestilah mempunyai beberapa kriteria yang baik. Misalnya pengetahuan agama yang baik, asal keturunan, kedudukan kewangan dan kuat berusaha. Ciri-ciri ini sedikit sebanyak ada kepada beberapa orang pemimpin Ru Rendang.

#### 4.4 Pendidikan Agama

Konsep yang diamalkan oleh PAS Ru Rendang ialah cuba mendapatkan sokongan yang banyak dari golongan terpelajar khasnya mereka yang lulus dari pusat-pusat pengajian tinggi. Ini kerana mereka yakinkan golongan inilah yang mampu untuk memimpin negara dimasa akan datang. Mereka ini sangat perlu diassimilasikan dengan pendidikan Islam agar akan melahirkan masyarakat pemimpin yang berjiwa Islam. Ada yang mahu supaya konsep kekuasaan (wilayah) dalam masalah politik hendaklah disebut "wilayatul muttaqin" atau kekuasaan politik hendaklah diletak ditangan orang-orang bertaqwa.<sup>9</sup>

Dari segi lahiriahnya kebanyakkan pemimpin PAS lebih banyak melakukan amalan agama berbanding dengan pemimpin UMNO. Misalnya pada setiap hari mereka mengajar cara-cara beribadat kepada masyarakat di sini. Ciri-ciri tersebut diseretkan-sama dalam arena politik. Misalnya bersungguh-sungguh semasa melakukan kerja, benar kalau berca-kap dan berani menghadapi kenyataan adalah merupakan sikap dan peribadi kebanyakkan dari kalangan pemimpin-pemimpin mereka.

#### 4.5 Sifat Peribadi

Pemimpin-pemimpin PAS Ru Rendang sangat tegas dalam menyatakan pendirian. Mereka sanggup mengatakan bahawa, sesiapa yang menolak Islam dalam hal-hal berpolitik adalah kafir dan tidak boleh berurusan dengan mereka.<sup>10</sup> Di dalam khutbah jumaat misalnya yang dibaca di masjid kampung Rusila dan Rumuda, mereka tidak gentar untuk mengecam kerajaan Barisan Nasional yang dianggap menyimpang dari landasan Islam yang sebenar.

Ketegasan ini seolah-olah seperti yang dimiliki oleh pengasas Bani Umaiyyah. "Aku ialah Saffah, tiada pantang dan pemberontak pemusnah".<sup>11</sup> Mereka juga bersikap jujur dalam satu-satu perkara walaupun ianya pahit. Mereka boleh ditegur dan diajar kalau perkara itu perlu walaupun teguran itu datangnya dari orang biasa.

Bekerja keras tanpa mengira penat adalah satu sifat biasa bagi mereka. Sebenarnya untuk kerja-kerja parti tidak ada sebarang bayaran. Semuanya dilakukan secara sukarela.

Cuma satu sikap yang kurang baik ialah mereka tidak mahu menerima pandangan dari orang yang bukan anggota PAS. Mereka rasa apa yang dibuatnya sahaja yang betul. Ini kerana perasaan benci terhadap kerajaan yang dianggapnya terlalu mengamalkan sikap diskriminasi terhadap mereka. Dari segi ini mereka tidak mampu meniru sikap As Saffah

dimana beliau seorang yang murah hati, pengasih, disegani, sempurna akal fikiran, pemalu dan baik tingkah-lakunya.<sup>12</sup>

#### 4.6 Keturunan Dan Kedudukan Ekonomi

---

Kebanyakannya daripada mereka memangnya berasal dari kalangan mereka yang berada dan mempunyai kedudukan yang baik dalam masyarakat. Wan Jaafar iaitu Ketua PAS Cawangan Rumuda misalnya, adalah anak kepada Imam masjid dan dihormati orang. Dengan kedudukan yang baik ini membolehkan mereka berjuang walaupun melalui parti lawan.

Dari segi kewangan, pemimpin-pemimpin ini sekurang-kurangnya mempunyai tapak rumah, tanah dan kebun. Oleh itu walaupun tidak mendapat bantuan kewangan dari mana-mana pihak mereka masih lagi mampu untuk meneruskan perjuangan dan prinsip mereka,

#### 4.7 Pencapaian Akademik

Sejak dari dulu hingga sekarang, boleh dikatakan kebanyakan dari pemimpinnya mempunyai perdidikan agama. Di Ru Rendang sekarang semua Ketua-ketua Ranting terdiri dari mereka yang lulus sekolah Menengah Agama.

Kalau dilihat dari segi kelulusan akademik sudah tentu mereka tidak mampu untuk menggerakkan organisasi PAS. Tetapi proses sosialisasi politik sangat pesat di sini sekarang, khasnya melalui ceramah dan syarahan. Dengan itu adalah tidak sukar bagi mereka untuk menjalankan kerja-kerja parti.

Corak dari dulu hingga sekarang dalam pimpinan PAS adalah tidak berubah walaupun di tempat yang berbeza. Hal ini sama seperti kajian yang pernah dilakukan oleh Funston.

The preponderance of non-English educated is thus confirmed, composed overwhelmingly of Islam educated in the case of PAS, but mainly Malay educated for UMNO. 13

#### 4.8 Profil Haji Hadi Awang



Haji Hadi semasa berkempen dalam pilihanraya umum 1986, disalah sebuah markas PAS kampung Seberang Marang.

Haji Hadi dilahirkan pada 20hb. Ogos 1943 di kampung Rusila. Sekarang usianya telah menjangkau 43 tahun. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Rusila. Pada tahun 1961 beliau menyambung pelajaran ke Sekolah

Arab Marang (sekarang Sekolah Agama Marang). Pada tahun 1965 disambung lagi pelajaran ke Sekolah Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu.

Bagaimanpun beliau mendapat didikan awal agama dari bapanya sendiri yang pada masa itu mengajar di masjid Rusila. Pada tahun 1969, beliau menyambung semula pelajaran ke Universiti Madinah dalam fakulti Perundangan Islam. Di sana bakat kepimpinannya telah jelas

terserah di mana beliau telah dilantik sebagai Presiden Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia dan Setiausaha Agong Gabungan Pelajar-pelajar Asia Tenggara Madinah.

Selepas mendapat ijazah Sarjana Muda, Haji Hadi menyambung pula pelajaran ke Universiti Kaherah untuk mendapatkan Ijazah Sarjana dalam bidang Politik Islam pada tahun 1973. Di sini beliau dilantik menjadi Presiden Persatuan Mahasiswa Terengganu dan Setiausaha Pelajar-pelajar Melayu Mesir bagi sessi Syariah dan Undang-undang. Beliau juga pernah dilantik membaca khutbah semasa hari raya korban di masjid Kaherah.<sup>14</sup>

#### i. Penglibatannya Dalam Politik

Sebenarnya beliau telahpun melibatkan diri dalam politik sejak dari bangku sekolah lagi. Pada tahun 1965 beliau telah memegang jawatan Setiausaha PAS kampung Rusila. Tetapi penglibatan secara aktif adalah bermula pada tahun 1976, selepas tamat pengajiannya di Mesir.

Pada tahun tersebut Haji Hadi dilantik sebagai Pegawai di Pejabat Yayasan Islam Terengganu. Dalam masa yang sama memegang jawatan Exco Dewan Pemuda PAS Pusat dan Ketua Pemuda PAS Terengganu. Pada tahun 1978 menjadi Presiden Abim Terengganu.

Pada tahun itu juga pilihanraya umum dijalankan. Beliau dipi-

lih bertanding atas tiket PAS untuk DUN Marang. Haji Hadi tewas dalam pilihanraya tersebut kepada calon Barisan Nasional iaitu Tengku Zahid Musa dengan perbezaan 68 undi.

Dalam Muktamar PAS tahun 1979, beliau dilantik memegang jawatan Naib Yang Dipertua Agong PAS dan Dewan Ulamak PAS Malaysia. Pada tahun 1980 dilantik pula sebagai Pesuruhjaya PAS negeri Terengganu.

Dalam pilihanraya 1982 pula, beliau sekali lagi bertanding atas tiket dan kerusi yang sama. Kali dia menang dengan majoriti 133 undi. Dengan itu beliau telah dilantik sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu. Pada tahun 1986, sekali lagi beliau bertanding untuk mempertahankan kerusi tersebut. Beliau berjaya menambahkan majoriti sehingga menjadi 517 undi.

ii. Pandangan Umum Terhadap Haji Hadi

Haji Hadi seorang yang berani dan tegas. Pernah beliau mengkritik secara terbuka dalam DUN Terengganu. "I have the right to criticise the government", he said, "because Islam encourage criticism when the rulers do something wrong. I would be failing in my duty as a muslim if I didn't criticise the government for its mistakes".<sup>15</sup>

Dia juga tegas semasa bersoal jawab dengan sesiapa, asalkan perkara itu difikirnya hak. "Only muslim leaders will be appointed to run the country if the Opposition Front comes to power".<sup>16</sup> Beliau menegaskan bahawa PAS tidak akan berganjak untuk menubuhkan negara Islam walaupun bergabung dengan PSRM, NasMa dan SDP.

Kepetahan bercakap telah diakui bukan sahaja oleh orang-orang tempatan tetapi sehingga ke peringkat antara bangsa. "Haji Hadi as he is known to his supporters, is one of the best orators in Southeast Asia. His friday morning summons at the kampung Rusila Mosque draw more than 5,000 faithful".<sup>17</sup>

Pengaruh beliau ke atas parti PAS sangat kuat terutamanya di peringkat pusat. "Inside PAS, Hadi has been the moving force behind the campaign to give the Dewan Ulamak (council of religious Scholars) more say in party affair".<sup>18</sup> Dia dianggap sebatи dengan PAS kerana dia adalah yang bertanggongjawab menentukan corak PAS Terengganu. "Pada

hakikatnya fenomena 'Hadi itu PAS dan PAS itu Hadi' masih wujud dengan berleluasa di negeri ini".<sup>19</sup>

Beliau sering berkata sesiapa yang menyokong UMNO dengan dasar yang diamalkan sekarang, mengambil Islam sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain adalah 'kafir'. Kenyataan itu telah dicabar oleh UMNO supaya diadakan perdebatan secara terbuka. Cabaran ini disambut baik oleh beliau tetapi dibatalkan oleh Yang Dipertuan Agong di atas nasihat kerajaan.

"They will be led by Vice-president Ustaz Abdul Hadi Awang for the one hour debate which will be telecast live by RTM".<sup>20</sup>

"The party had earlier announced that another vice-president Haji Hadi Awang would lead the PAS team in the debate scheduled for Nov. 11".<sup>21</sup>

Dalam banyak hal Haji Hadi berani mengatakan yang benar walaupun ianya boleh membawa kesan negatif kepada parti.

PAS is co-operating with other parties because it is still weak and need their help.<sup>22</sup>

Pengakuan itu dibuat disaat PAS hampir menghadapi pilihanraya umum 1986. Bagaimanpun PAS telah membuat ketetapan dimang, "... that the opposition parties friendly with PAS like NasMa, SDP and PSRM had

oleh Pengurus Jawatan kuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Tan Sri Abd. Jalil. "Seaiapa yang tidak menerima fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Kedah sebagai menderhaka kepada Sultan Kedah".<sup>27</sup>

Nota Kaki

1. Safie Ibrahim, The Islamic Party Of Malaysia, Its formative stages & Ideology, Published by Nawawi Ismail, Kelantan, 1981. Umar ialah khalifah Ar Rashidin yang kedua.
2. Perutusan Haji Hadi, dalam Manifesto PAS Terengganu, 1406H - 1986, dengan tema 'Bangunkan Negara Islam, m.s. 1.
3. Dinyatakan oleh Fatimah Chik, Setiausaha Dewan Muslimah PAS, Cawangan Rumuda semasa ditemubual oleh pengkaji pada 1. 8. 1986.
4. Al Quran, Surah Al Maidah, Ayat 49.
5. Al Quran
6. Kenyataan ini dibuat semasa ditemubual oleh oleh pengkaji ke atas kaji Hadi, pada 27hb. Jun 1986.
7. Safie Ibrahim, The Islamic Party Of Malaysia, Its formative Stages & Ideology, Published by Nawawi, Kelantan, 1981, m.s. 117.
8. John Adair, The Skills Of Leadership, Gower Publ., England, 1984, m.s. 5.
9. Abu Bakar Hamzah, Konsep Kepimpinan Ulamak Dalam Politik, Pustaka Zakry Abadi, K. Lumpur, 1983, m.s. 35.
10. Ucapan tersebut sering diucapkan oleh kebanyakan pemimpin PAS Ru Rendang semasa berceramah.
11. Dr. Ahmad Shalaby, Alih bahasa oleh Mohd. Labib Ahmad, Sejarah Dan Kebudayaan Islam, Pustaka Nasional, Singapura, 1976, m.s. 39.

12. Ibid, m.s. 40.
13. N.J. Funston, Malay Politics In Malaysia, A Study Of The UMNO & PAS, Heinemann, K. Lumpur, 1980, m.s. 103.
14. Oleh Ustaz Zawawi Ali, bekas mahasiswa Universiti Kaherah dan kawan kepada Haji Hadi, semasa kempen pilihanraya umum 1986, di kampung Seberang Marang , 1hb. Ogos 1986.
15. Asia Week, 17hb. Dec. 1982, m.s. 22.
16. New Straits Times, 24hb. Julai 1986.
17. Op. Cit, m.s. 22.
18. Ibid, m.s. 23.
19. Idzan Ismail, Utusan Malaysia, Khamis, 24hb. Julai 1986, m.s. 8.
20. The Star, 29. 10. 1984.
21. New Straits Times, Dec. 17. 1982, m.s. 23.
22. The Star, 24. 7. 1986.
23. Asia Week, Dec 17. 1982, m.s. 23.
24. Ibid, m.s. 23.
25. Utusan Malaysia, Amanat Haji Hadi, 20. 2. 1986.
26. Utusan Melayu, 4. 2. 1986, dikeluarkan semula dalam Carilah Kebernaran, Terbitan Kerajaan Terengganu, Keluaran 21, 1986, m.s. 20.
27. Utusan Melayu, 8hb. Feb. 1986.

## BAB V

### AKTIVITI-AKTIVITI PAS RU RENDANG

Dalam usaha dan perjuangannya untuk mewujudkan sebuah pemerintahan Islam,<sup>1</sup> parti PAS telah berikhtiar idea perjuangannya ke dalam seluruh aspek kehidupan seperti kebajikan sosial, pendidikan, ekonomi dan keagamaan.

#### 5.1 Pendidikan Dan Pelajaran

##### i. TASKI

TASKI atau Taman Asuhan Kanak-kanak Islam yang dianjurkan oleh PAS Ru Rendang, bertujuan untuk membentuk peribadi kanak-kanak. Pada asasnya taman ini sama sahaja dengan apa yang diamalkan di Tadika. Yang berbeza hanyalah di sini lebih dititik-beratkan pendidikan agama.

Kanak-kanak yang diterima masuk ke sini ialah yang berumur 5 hingga 6 tahun. Yuran bulanan dikenakan sebanyak \$5.00 seorang. Wang tersebut digunakan untuk membeli alat-alat mengajar.. Di samping itu ia juga dipungut untuk membayar gaji guru-guru serta untuk sarapan pagi kanak-kanak.

Dalam DUN Ru Rendang sahaja, terdapat 5 buah taman ini. Masing-masing sebuah di kampung Seberang Marang, Bandar Marang, Rusila, Sentol Patah dan Batangan. Di kampung Seberang Marang mempunyai 43 orang murid, di Rusila 52 orang, di Batangan 20 orang, di Bandar Marang 35 orang dan Sentol Patah 24 orang. Setiap satu kawasan ini mempunyai seorang guru sahaja.

ii. Sekolah Menengah

PAS Ru Rendang juga menubuhkan sebuah sekolah menengah yang dibiayai oleh ahli-ahli PAS sendiri. Ia ditubuhkan pada tahun 1985. Terletak di belakang masjid kampung Rusila. Seorang ahli Exco Terengganu pernah menyatakan perkara ini dalam DUM Terengganu. "PAS telah menubuhkan sekolahnya sendiri, berhampiran dengan masjid Rusila...".<sup>2</sup>

Pada tahun pertama penubuhannya, ia hanya mempunyai 40 orang pelajar sahaja. Tetapi kini telah meningkat menjadi 100 orang. Tujuan penubuhan adalah untuk melahirkan para cendikiawan yang berjiwa Islam. Diharapkan satu hari nanti golonganinilah yang akan memimpin negara.

Untuk memasuki sekolah ini, diutamakan mereka yang mendapat 5A dalam peperiksaan penilaian darjah 5. Kebanyakan yang belajar di sini adalah terdiri daripada anak-anak pemimpin PAS yang datang dari seluruh pelosok negara. Oleh itu mereka telah ditempatkan disebuah asrama yang juga terletak di belakang masjid Rusila.

Tiap-tiap seorang dikenakan bayaran sebanyak \$100 sebulan. Ia digunakan untuk membiayai alat-alat belajar, asrama, makanan dan gaji guru-guru. Mereka diwajibkan mempelajari semua matapelajaran yang disediakan seperti fizik, kimia, matematik, bahasa Arab, bahasa Inggeris dan menghafal Al Quran. Apabila tamat tingkatan 5 nanti mereka akan dihantar tetus sama ada ke Timur Tengah atau ke Eropah.

## 5.2 Kebajikan Sosial

### i. Tabung Kiarat Kematian

Usaha membantu keluarga orang yang telah mati untuk urusan pengkebumian dinamakan kiarat kematian. Pada tahun 1985 PAS Ru Ren-dang mengambil anisiatif ini kerana menyedari, kebanyakan daripada ahli-ahlinya adalah miskin. Kadang-kadang ada yang tidak mampu untuk menguruskan upacara pengkebumian.

Setiap seorang ahli diwaibkan membayar sebanyak \$20. Maknanya kalau dalam satu keluarga mempunyai 5 orang ahli, maka mereka mesti membayar sebanyak \$100. Bagaimanapun mereka yang kurang mampu, masih lagi boleh menjadi ahli tetapi perlulah juga membayar sekadar yang terdaya.

ii. Membina Masjid Dan Surau

Bagi menampung jumlah para jamaah khasnya pada hari jumaat, maka beberapa masjid telah diperbesarkan. Masjid kampung Rumuda misalnya telah dimulakan kerja-kerja membesar pada tahun 1983 dan siap pada tahun 1985. Ia menelan belanja lebih dari \$50,000. Semua kos perbelanjaan ditanggong sendiri oleh anak-anak watan di situ.

Masjid kampung Rusila juga sedang diperbesarkan. Ia juga dibayai oleh penyokong-penyokong PAS. Walaupun sekarang ini masih belum siap tetapi sudah mampu menganjurkan satu muktamar yang besar.

In kampung Rusila, where PAS is having it's 32nd Muktamar..... The tags are part of PAS way of ensuring that only their members are allowed into the Muktamar held at the Rusila Mosque, the base of PAS most well-known religious leader Haji Hadi Awang..... is still undergoing renovations but a concrete wall has been built along the road. 2

PAS juga telah mendirikan beberapa buah surau. Ini juga dibayai oleh penyokong-penyokongnya. Sebuah rumah di kampung Batangan telah dijadikan surau. Pada hari jumaat surau ini dijadikan tempat berjamaah oleh penyokong-penyokong PAS. Di kampung ini pengasingan tempat beribadat masih berleluasa. Keadaan ini wujud kerana isu kafir-mengkafir yang ditimbulkan oleh kedua-dua pihak. Bagaimanapun Imam PAS di kampung ini tidak pernah mendapat tauliah dari mana-mana Pejabat agama.

jabat Agama.

iii. Jamuan Berbuka Puasa

Seperti masjid-masjid kerajaan, masjid dan surau-surau PAS ada juga menganjurkan majlis berbuka puasa pada bulan ramadan. Biasanya dilakukan selepas dari 15hb. ramadhan. Ini kerana selepas dari tarikh tersebut kebanyakan surau-dan masjid telahpun menamatkan bacaan Al Quran masing-masing.

Penyokong-penyokong PAS dalam setiap kampung telah memungut wang dari ahli-ahli untuk tujuan itu. Contohnya di masjid kampung Rumuda sahaja telah ditumbangkan sebanyak 2 ekor kerbau dan telah menjemput seluruh penduduk kampung tersebut. Sebaliknya di masjid yang majoritinya terdiri dari penyokong-penyokong UMNO, seperti masjid kampung Seberang Marang, maka kerajaan telah memberikan sebahagian dari perbelanjaannya. Tapi yang datang ke tempat-tempat itu adalah dari kalangan ahli parti yang sama.

iv. Usrah Dan Perbincangan

Kegiatan ini dijalankan sama ada di surau ataupun di rumah-rumah. Biasa diadakan selepas waktu maghrib sehingga waktu isyak. Mereka hanya membincangkan tentang ibadat-ibadat asas sahaja seperti puasa, sembahyang, zakat dan haji. Satu-satu kumpulan usrah ter-

diri daripada 8 hingga 10 orang.

Sebaliknya usrah yang dianjurkan oleh dewan muslimat pada tiap-tiap petang hari jumaat, membincangkan soal-soal politik. Strategi dan langkah dirancangkan untuk menarik sokongan dari kaum wanita. Kegiatan tersebut sedikit sebanyak telah membawa hasil yang baik. Ini terbukti dengan bertambahnya majoriti undi kepada calon PAS dalam pilihanraya yang baru lalu.

Melalui kegiatan usrah di surau-surau telah dapat menambahkan tingkat amalan agama orang-orang Pas dan masyarakat amnya. Pendaknya kegiatan-kegiatan yang bercorak agama lebih banyak dianjurkan oleh PAS berbanding dengan UMNO.

### 5.3 Kewangan PAS Ru Rendang

Untuk melaksanakan kebanyakan dari aktiviti kepartiannya, PAS Ru Rendang mendapatkan wang malalui 3 sumber. Sumber yang paling utama ialah melalui kutipan wang dari ceramah-ceramah yang dianjurkan. Dalam satu minggu mereka mengadakan 3 atau 4 kali bagi seluruh DUN Ru Rendang.

Sekarang tabung ini dinamakan 'tabung jihad'. Dalam satu-satu ceramah politik mereka boleh memungut sehingga \$400. Penyokong-penyo-kongnya telah menderma kerana mereka yakin bahawa setiap satu sen wang yang didermakan itu adalah berupa jihad.

Parti UMNO mengecam hebat perkara ini kerana dianggapnya menindas golongan miskin. Isu yang kini menjadi modal mereka ialah 'tabung derma jihad' dan pembelian kereta Pajero yang berharga \$42,000 oleh Haji Hadi.<sup>3</sup> Mereka menganggap wang dari tabung itu digunakan oleh Haji Hadi untuk membeli kereta itu.

Sumber keduanya ialah melalui penjualan 'kaset'. Kebanyakan ceramah, ucapan dan kuliah pemimpin-pemimpin di sini dirakam dan diedarkan dipasaran. Wang hasil dari penjualan itu sama ada secara langsung atau tidak, tetap masuk ke dalam tabung PAS. Bagaimanapun Haji Yusof Rawa menafikan perkara ini. "It could be some member or even non members who are out to make some money".<sup>4</sup>

Satu kenyataan lain telah dikeluarkan di Pulau Pinang oleh akhbar Star. "Cassette tapes entitled 'The Chinese can also become leaders of Malaysia', were sold at \$3.50 each".<sup>5</sup> Mengikut Haji Hadi pihaknya tidak pernah mendapat kebenaran dari Kementerian Dalam Negeri untuk mengeluarkan kaset.

Sumber ketiga ialah membuat dan menjual pakaian wanita yang menutup aurat. Tetapi ia tidaklah sebanyak sumber pertama dan kedua tadi. Di antara pakaian-pakaian tersebut ialah purdah, mini telekong dan sarong tangan wanita.

#### 5.4 Ceramah Dan Politik

Senjata PAS yang paling berkesan sekali dalam menyampaikan ideologinya ialah ceramah. Semua alat media massa adalah milik kerajaan. Itulah sebabnya PAS di sini menggunakan setiap ruang masa untuk menyampaikan ideologinya melalui ceramah walaupun kebanyakan ceramah tidak mendapat kebenaran dari polis.<sup>6</sup>

Di samping itu pemimpin-pemimpin PAS di sini tidak lagi percaya kepada pihak pemberita kerana dianggapnya mereka itu sering memutar-belitkan kenyataan. Oleh itu dalam Muktamar tahunan PAS yang baru lalu, pihak pengajur tidak memberi kerjasama langsung kepada media massa.

"Wartawan dan jurugambar tidak dibenarkan langsung membuat liputan, meskipun dari luar pagar perkaranan masjid Rusila.<sup>7</sup>..... Mereka menyifatkat wartawan sebagai golongan yang suka memutar-belit-<sup>8</sup> isu dan memburuk-burukkan parti pembangkang".

Walau apapun keadaan, pemimpin-pemimpin PAS tetap mengadakan ceramah politiknya. Kehadiran penyokong-penyokongnya dalam setiap ceramah sungguh menggalakan. Mereka sanggup berada di tempat ceramah sehingga larut malam.

Isu-isu nasional dan tempatan telah digunakan sebagai landasan hujah-hujah semasa berceramah. Misalnya skandal BMF, sengketa Mahathir-Musa dan projek-projek yang dianggap membazir di Terengganu. Semua perkara tersebut dapat disampaikan oleh mereka dalam bahasa yang mudah dan dapat diterima oleh orang-orang kampung.

"Cara PAS berkempen menerusi ceramah-ceramahnya jelas mendapat sambutan jikalau ditinjau daripada bilangan orang yang menghadirinya. Kerajaan, khurususnya UMNO menyedari pengaruh PAS ini; lalu dengan alasan ceramah demikian mengancam keselamatan negara, ia telah mengharamkannya".<sup>9</sup> "Oleh kerana UMNO merupakan tulang belakang kerajaan Barisan Nasional sekarang, maka bolehlah dianggap larangan tersebut sebenarnya merupakan tindakan UMNO terhadap PAS".<sup>10</sup>

Pengharamannya telah diumumkan sendiri oleh Datuk Musa Hitam.

"The ban on political gatherings has been extended to Kelantan and Terengganu".<sup>11</sup> Datuk Musa yang merupakan Menteri Dalam Negeri telah menerangkan bahawa, ".... he had directed the police yesterday to restrict political gatherings in the two states".<sup>12</sup>

Namun begitu PAS Terengganu amnya dan Ru Rendang khasnya tetap juga meneruskan ceramah. Haji Mustafa Ali berkata bahawa, "sebagai sebuah parti politik yang menerapkan Islam, adalah tidak salah bagi PAS menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat Islam".<sup>13</sup>

#### 5.5 Isu-isu

Isu penyatuan PAS dengan CCC (Chinese Consultative Council) telah digunakan oleh UMNO Ru Rendang bagi menyekat pengaruh PAS. Sebaliknya PAS menjawab bahawa, "orang-orang Cina boleh menjadi pemimpin negara Islam. Bagaimanapun orang Cina yang menjadi pemimpin itu hendaklah seorang Islam dan warak serta mempunyai kelayakan sebagai pemimpin Islam".<sup>14</sup>

UMNO Marang menganggap, langkah PAS menganjurkan simposium di Dewan Perhimpunan Cina sebagai satu permainan politik untuk menutup mata masyarakat bukan melayu terhadap perjuangan yang sempit.<sup>15</sup>

Menghapus hak keistimewaan orang-orang melayu juga menjadi isu

hangat bukan sahaja dipihak PAS tetapi juga dikalangan UMNO Ru Ren-dang. "PAS akan menghapuskan taraf bumiputra dan hak istimewa, sepe-Tanah Simpanan Melayu sekiranya memerintah negara ini".<sup>16</sup>

"An Islamic nation is based on the principle that all are equal..... Under an Islamic administration there would be no human being consi-dered special where rights or laws were concerned".<sup>17</sup>

Haji Mustafa Ali menganggap kelulusan sebanyak \$500,000 untuk projek-projek di Marang adalah membazir. Di antara yang akan dibina ialah padang golf dan kolam renang. Beliau mengatakan penduduk di si-ni tidak mampu untuk membeli 'kayu golf'. Beliau juga berkata bahawa rakyat tidak perlu kepada kolam renang kerana kebanyakan dari mereka sudahpun tinggal di tepi pantai.

JADUAL 5.5 : 1

Beberapa Siri Ceramah PAS Di kawasan DUN Ru Rendang

27hb. April - 16hb. Mei 1986.

Tarikh	Tempat	Penceramah	Isu-isu
27. 4. 86	Rumuda	Haji Hadi Awang Mustafa Ali Wan Muda Wan Ismail	BMF PBS di Sabah Pembaziran Trg.
7. 5. 86	Sentol Patah	Haji Hadi Awang Haji Harun Taib	Rombakan kabinet Skandal P.Eletr. Krisis Mahathir - Musa
8. 5. 86	Medan Jaya, Rusila.	Mustafa Ali Harun Taib	BMF CCC Hak Melayu
13. 5. 86	Seb. Marang	Wan Muda W. Ismail Ghzali Mamat	Memali Kemelesetan ekonomi Hak Melayu
16. 5. 86	Batangan	Mustafa Ali Haji Hadi Awang	ISA BMF Pembaziran Trg.

Catitan: Ini adalah sebahagian dari ceramah yang dihadiri oleh pengkaji.

Nota Kaki

1. Manifesto PAS Terengganu 1986, dikeluarkan oleh Pejabat Perhubungan PAS Terengganu, m.s. 5.
2. The Sunday Star, Sept. 28. 1986, m.s. 4.
3. Idzan Ismail, Utusan Malaysia, 24hb. 7. 1986, m.s. 8.
4. The Star, 1984.
5. The Star, 15. 8. 1985, m.s. 4.
6. Utusan Malaysia, 4hb. Mei 1984, m.s. 1.
7. Zain Ayib, Berita Harian, 30hb. 9. 1986, m.s. 9.
8. Zain Ayib, Loc. Cit.
9. Jalil Abd. Rahman, Dewan Masyarakat, UMNO dan PAS berpada-pada bermain politik, Sept. 1984, m.s. 18.
10. Ibid, m.s. 17.
11. The Star, 10. 8. 1984, m.s. 1.
12. Loc. Cit, m.s. 1.

13. Mingguan Malaysia, 10hb. 8. 1984, m.s. 1.
14. Utusan Malaysia, 12hb. 2. 1985, m.s. 1. Hal itu dinyatakan oleh Ha'ii Hadi.
15. Perkara ini dinyatakan oleh Enck Muda Mamat, Ketua Pemuda UMNO Marang, semasa ditemubual oleh pengkaji, 30. 3. 1986.
16. Berita Minggu, 15. 9. 1985, m.s. 5.
17. The Star, 7. 10. 1985.

## BAB VI

### PENGARUH DAN KESAN PAS KE ATAS MASYARAKAT

#### 6.1 Konflik Antara PAS Dan UMNO

Kebangkitan PAS menyebabkan masyarakat umum lebih sensitif terhadap isu-isu semasa. Sosialisasi politik yang disampaikan oleh kedua-dua parti yang bertentangan telah menguatkan lagi kesedaran berpolitik.

Sebenarnya konflik yang berlaku sekarang adalah penerusan dari yang terjadi sejak tahun 1959 lagi. Ia bermula apabila wujud pertentangan dalam ideologi dan perjuangan kedua-dua parti. "The 'pure' component was indeed present in UMNO ideas on matters such as Malay nationalism and, if for no other reason, as a partner in government it was forced to concern itself with 'practical' aspects. PAS on the other hand, with its commitment to an Islamic political philosophy...<sup>1</sup>

Akibat dari itu, pemimpin-pemimpin PAS bertahun-tahun mengecam polisi kerajaan yang tidak bercorak Islam; sementara beberapa pemimpin UMNO berapi-api mempertahankan pendirian kerajaan.<sup>2</sup>

Kecaman PAS Ru Rendang terhadap dasar kerajaan sedikit seba-

nyak memang berasas. Oleh kerana itu percakaran di antara UMNO dan PAS di sini tidak akan berakhir. Pemimpin-pemimpin telah berikrar akan meneruskan rancangan mereka untuk mengadakan perhimpunan dan ceramah.<sup>3</sup> "Pemimpin UMNO berpendapat, ceramah-ceramah PAS telah memecah-belahkan masyarakat..... . Pengikut-pengikut UMNO dan PAS misalnya; enggan bersebahyang di masjid yang sama; tidak ziarah-mengziarahi, baik waktu sakit demam mahupun waktu kenduri-kendara!"<sup>4</sup>

Keadaan tersebut tidak boleh disalahkan kepada PAS sahaja, tetapi kedua-dua pihak perlulah bertanggongjawab. UMNO telah menolak dakwaan PAS yang agama dan politik tidak boleh dipisahkan. "Islam tidak boleh campur politik. .... Politik hendaklah terpisah dari agama".<sup>5</sup> Pendapat ini menyebabkan PAS di sini mengecam kuat ke atas UMNO Ru Rendang.

Atas alasan yangsama juga menyebabkan PAS menuduh bahawa sesiapa yang berpegang dengan konsep tadi adalah 'kafir'. Orang-orang UMNO menafikan sekeras-kerasnya tuduhan tersebut. Sebaliknya mereka menuduh orang-orang PAS telah sesat. Mereka juga menegaskan, "Selagi langkah tidak melaksanakan undang-undang Islam, tidak disertai dengan keengkaran bahawa undang-undang Islam itu dari Allah dan wajib dilaksanakan, maka adalah salah untuk mengkafirkan kerajaan dan pengikutnya".<sup>6</sup>

Dakwaan bahawa UMNO adalah kafir, darah orang UMNO halal ke-

rana mereka penghalang kepada perjuangan Islam dan pemerintahan Dr. Mahathir adalah 'toghut' dan 'kafir'.<sup>7</sup> Tuduhan-tuduhan ini menyebabkan orang-orang UMNO terus memusuhi PAS.

## 6.2 Kesan Konflik UMNO - PAS

### i. Politik Radikal

Kesan dari konflik menjadikan kegiatan politik sekarang semakin radikal. Ianya tidak lagi sekadar bertanding dalam pilihanraya tetapi telah menular dalam semua aspek hidup.

Pada awal tahun 1986, penyokong-penyokong PAS telah menampal begitu banyak posternya sebagai persiapan awal menghadapi pilihanraya umum. Mereka juga turut menampal sehingga di tempat-tempat awam seperti pada pondok telefon dan sebagainya. Perbuatan tersebut sebenarnya tidak pernah diarah oleh pemimpin-pemimpin mereka.<sup>9</sup>

Akhirnya kerajaan terpaksa mengeluarkan arahan supaya segala poster yang ditampalkan di tempat awam itu ditanggalkan. Arahan ini tidak diikut oleh orang-orang PAS. Lalu kerajaan dengan menggunakan polis, LLN dan Jabatan Telekom, telah membuang semua poster PAS termasuk yang tidak terkena pada tempat-tempat awam.

Sebagai tindak balas, penyokong-penyokong PAS telah membuang

rana mereka penghalang kepada perjuangan Islam dan pemerintahan Dr. Mahathir adalah 'toghut' dan 'kafir'".<sup>7</sup> Tuduhan-tuduhan ini menyebabkan orang-orang UMNO terus memusuhi PAS.

## 6.2 Kesan Konflik UMNO - PAS

### i. Politik Radikal

Kesan dari konflik menjadikan kegiatan politik sekarang semakin radikal. Ianya tidak lagi sekadar bertanding dalam pilihanraya tetapi telah menular dalam semua aspek hidup.

Pada awal tahun 1986, penyokong-penyokong PAS telah menampal begitu banyak posternya sebagai persiapan awal menghadapi pilihanraya umum. Mereka juga turut menampal sehingga di tempat-tempat awam seperti pada pondok telefon dan sebagainya. Perbuatan tersebut sebenarnya tidak pernah diarah oleh pemimpin-pemimpin mereka.<sup>9</sup>

Akhirnya kerajaan terpaksa mengeluarkan arahan supaya segala poster yang ditampalkan di tempat awam itu ditanggalkan. Arahan ini tidak diikut oleh orang-orang PAS. Lalu kerajaan dengan menggunakan polis, LLN dan Jabatan Telekom, telah membuang semua poster PAS termasuk yang tidak terkena pada tempat-tempat awam.

Sebagai tindak balas, penyokong-penyokong PAS telah membuang

dan mencabut banyak papan-papan tanda milik UMNO pada malamnya dihari yang sama. Namun begitu pemimpin dari kedua-dua belah pihak mengambil sikap yang negatif terhadap kejadian tersebut.



Papan tanda UMNO yang dibuang oleh penyokong-penyokong PAS ke dalam semak di kampung Seberang Marang.

Penyokong-penyokong PAS yang menyedari akan kelemahan diri, terus menunjukkan reaksi radikal bila dirasakan mereka ditekan. "They have their inception in a condition of unrest, and derive their motive power on one hand from dissatisfaction with the current form of life, and scheme or system of living".<sup>10</sup>

ii. Ibadat

Tempat sembahyang telah diasingkan oleh kedua-dua parti. Di kampung Seberang Marang terdapat 2 buah masjid iaitu masjid Seberang Marang dan Masjid Rumuda. Penyokong-penyokong UMNO yang tinggal berhampiran dengan dengan masjid Rumuda telah pergi bersembahyang jumaat di masjid Seberang Marang. Penyokong-penyokong PAS yang tinggal berhampiran dengan masjid Seberang Marang pula telah pergi ke masjid kampung Rumuda.

Begitu juga apa yang berlaku di kampung Batangan. Orang-orang PAS telah membina surau mereka sendiri. Pada hari jumaat mereka datang berjamaah di sini walaupun sudah ada sebuah masjid di kampung tersebut. Mengikut mufti Terengganu, "pengasingan itu haram walaupun berlaku selisih faham dan kegiatan pulau-memulau antara penduduk se sebuah kampung".<sup>11</sup>

Dalam semua keadaan masing-masing pihak tidak mahu bertolak ansur antara satu dengan lain. UMNO masih mempertahankan apa yang mereka pegang sekarang. PAS pula cuba memaksa UMNO membuat perubahan secara drastik dalam semua aspek kehidupan.

iii. Majlis Keramaian

Sekarang ini di majlis-majlis keramaian seperti semasa perkahwinan menjadi sepi kerana sikap pulau memulau yang diamalkan oleh kedua-dua parti. Orang-orang PAS merasakan yang sembelihan oleh orang UMNO tidak boleh dimakan. Lalu mereka memboikot majlis tersebut.

Sebagai tindak balas, orang-orang UMNO telah memboikot pula seluruh kenduri yang dijalankan oleh orang-orang PAS. Dalam soal ini masalah hubungan kekerabatan tidak ada lagi. Masing-masing tidak mahu tunduk kepada pihak lain.

Sebenarnya perkara ini berlaku dalam semua kampung dalam DUN Ru Rendang. Mereka kadang-kadang sedar akan buruknya kalau hidup tidak bertegur sapa dan pulau-memulau antara satu dengan lain. Namun sikap sompong dari kedua-dua pihak telah menghalang dari mereka kembali semula kesikap yang asal.

iv. Kematian

Amalan pulau memulau ini tidak sahaja berlaku dalam majlis keramaian tetapi juga dalam urusan jenazah dan kematian. Ada pula desas-desus yang cuba hendak diasingkan pula tanah perkuburan antara kedua-dua puak ini. Oleh kerana kekurangan tanah simpanan, maka perkara ini tidak dapat diteruskan.

Penubuhan tabung kiarat kematian oleh kedua-dua pihak, telah merenggangkan lagi hubungan mereka. Dalam suasana ketegangan yang menjadi-jadi itu, tabung tersebut dirasakan perlu. Masing-masing tidak boleh lagi mengharapkan bantuan dari orang-orang kampung kalau berlainan fahaman parti.

Boleh dikatakan segala kegiatan sosial dihubungkan terus dengan parti. Jadi dalam masa yang sama penubuhan tabung ini telah menambahkan lagi konflik yang telah sedia ada itu. Ini kerana mereka hanya perlu berurusan dengan orang yang dari fahaman yang sama sahaja.

Orang-orang PAS menganggap sesiapa sahaja dari kalangan parti UMNO yang mati tidak boleh diziarahi kerana dianggapnya tidak Islam lagi. Begitulah juga anggapan yang dikenakan oleh orang-orang UMNO ke atas orang PAS.

v. Hubungan Kekeluargaan

Hubungan dengan sesama keluarga juga turut menjadi renggang dalam DUN Ru Rendang ini. Bagaimanapun ianya dilakukan oleh anak-anak yang telah berumah tangga. Satu kes yang berlaku di Rumuda ialah seorang anak tidak lagi mengunjungi keluarganya walaupun ayahnya telah sakit sejak 2 tahun yang lepas.

Ibu bapanya adalah penyokong UMNO, sedang anaknya pula menyo-kong PAS. Dalam soal ini dengan kerana parti mereka sanggup membela-kangkan hormat mereka terhadap ibu bapa.

Perhubungan di antara dua orang adik-beradik juga mengalami keadaan yang sama. Walaupun kadang-kadang mereka baik di luar, tetapi di dalam adalah lain. Hingga pernah berlaku adik tidak datang mela-wat jenazah abangnya sendiri.

Mereka juga sering melakukan perbuatan tuduh-menuduh antara satu dengan lain. Masing-masing cuba menegakkan apa yang mereka anuti sekarang adalah benar. Setakat ini perbuatan demikian tidak lagi menampakkan tanda-tanda penyelesaian.

vi. Sistem Kekeluargaan

Dalam perkembangan yang ada sekarang terdapat 'trend' berkahwin 2 kali. Semua kes ini hanya melibatkan orang-orang PAS sahaja. Bagi orang-orang UMNO kejadian ini tidak wujud kerana semua imam yang menjalankan upacara akad nikah adalah sah di sisi mereka asalkan saja imam itu orang Islam.

Orang-orang PAS mahukan imam yang menikahkan mereka mestilah bukan dari kalangan penyokong UMNO. Kebetulan dari imam-imam itu adalah dari penyokong-penyokong UMNO. Maka wujudlah masalah perkahwinan 2 kali itu. Pada mula dijemput imam dari parti PAS. Kemudian pada esok malamnya dijemput pula imam dari parti UMNO untuk menikahkan anaknya. Tujuannya adalah untuk mendapatkan surat nikah dari imam UMNO tadi kerana kebiasaan beliau ini mempunyai tauliah yang sah.

Jadi dalam kes ini akad yang pertama itu dikira sah. Manakala akad yang kedua itu adalah seolah-olah seperti silap mata sahaja.

Perceraian suami isteri juga wujud akibat dari perbezaan fahaman politik. Setakat ini baru satu kes sahaja yang dapat dikesan oleh Pejabat Kadi Marang. Perceraian itu berlaku pada 8hb. 12. 1985.<sup>12</sup> Suami adalah pengikut fahaman UMNO dan isteri pula fahaman PAS. Mereka ini menetap di kampung Gong Balai, Marang. Si suami sudahpun berusia 65 tahun dan isteri 60 tahun.

vii. Corak Hiasan Dan Binaan

Satu perkara yang menarik perhatian ialah wujudnya rumah-rumah dan kedai-kedai yang bewarna hijau. Mereka mengatakan bahawa warna hijau itu adalah tanda 'keislaman'. Warna ini juga adalah lambang kepada parti PAS.



Ini adalah salah sebuah rumah penyokong PAS yang disapu dengan cat hijau.

Begitulah kuatnya pengaruh PAS sehingga mereka sanggup menukar seluruh imej dan bentuk serta warna pada sesebuah rumah. Sebelum ini kebanyakan dari rumah-rumah adalah bewarna putih iaitu lambang kesucian.

Dalam soal konflik ini kedua-dua parti haruslah dipersalahkan. PAS telah menuntut kepada kerajaan (UMNO) agar menjalankan undang-undang Islam di Malaysia. Tuntutan ini telah ditolak oleh kerajaan. Sebagai jalan keluar mereka mengasingkan diri dari bersama-sama dengan penyokong-penyokong UMNO.

Tambahan pula fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh PAS tidak pernah didakwa oleh UMNO. Ru Rendang secara terbuka di mahkamah syariah. Dengan ini bermakna apa yang dikeluarkan itu adalah benar sama sekali pada anggapan pemimpin-pemimpin PAS.

Kerajaan pimpinan UMNO menolak Islam sebagai landasan pentadbiran negara. Sedangkan PAS mendesak supaya Islam dijadikan landasannya. Alasannya ialah;

"Faham Islam ialah faham yang perikemanusiaan yang maha adil dan beradap, faham yang mengajar seluruh insan supaya hidup aman damai, dengan hormat-menghormati hak masing-masing. .... Hanya nafsu kezaliman sajalah yang suka menganjurkan atau menggeburkan seseorang atau sesuatu golongan atau sesuatu bangsa supaya merebut hak orang lain atau hak golongan lain atau hak bangsa lain". 13

Nota Kaki

1. N.J. Funstons, Malay Politics In Malaysia, A Study Of The UMNO and Party Islam, Heinemann Educational Books (Asia), K. Lumpur, 1989, m.s. 134-135. Lihat juga Kamaruddin Jaffar, ed, Dr. Burhanuddin Al Helmy: Politik Melayu & Islam, Yayasan Anda, K. Lumpur, 1980, m.s. 183-191.
2. Jalil Abd. Rahman, UMNO dan PAS berpada-pada bermain politik, dalam Dewan Masyarakat, Sept. 1984, m.s. 17.
3. Ibid, m.s. 18.
4. Loc. Cit, Dewan Masyarakat.
5. Kamaruddin Jaffar, ed, Dr. Burhanuddin Al Helmy, Politik Melayu & Islam, Yayasan Anda, K. Lumpur, 1980, m.s. 179.
6. Syed Husin Al Attas, Utusan Malaysia, 5. 11. 1984, m.s. 21.
7. Dewan Masyarakat, Perdebatan UMNO-PAS merugikan, Okt. 1984, m.s. 22.
8. Dr. Kamal Hasan, Golongan Elit Semakin Mabuk Dengan Nilai-nilai Borjuis dan Sekularis, disusun oleh Firdaus Hj. Abdullah, Kepimpinan Melayu, satu rakaman kewartawanan, Fajar Bakti, P. Jaya, 1985, m.s. 86.
9. Oleh Wan Muda Wan Ismail, calon PAS bagi DUN Merchang, di dalam Masjid Rumuda , 22. 6. 1986.

10. Hebert Blumer, 'Collective behaviour', Review of Sociology: Analysis of a decade, Ahmad Kamal (ed), Teori dan Daya Gerak Masyarakat, Nusantara, P. Jaya, 1982, m.s. 61.
11. Berita Harian, 10. 11. 1984.
12. Oleh Haji Awang Abd. Rahman, Pemangku Pegawai Kadi Marang, semasa ditemubual oleh pengkaji pada 2.8.1986.
13. Kamaruddin Jaffar, ed, Dr. Burhanuddin Al Helmy, Politik Melayu & Islam, Yayasan Anda, K. Lumpur, 1980, m.s. 227.

## BAB VII

### SEKITAR PILIHANRAYA UMUM 1986

Pilihanraya umum tahun 1986 diadakan pada 3hb. Ogos 1986. Selepas sahaja hari penamaan calon pada 24hb. Ogos 1986, maka berbagai-bagai gelagat telah ditunjukkan oleh kedua-dua pihak. Di antara perkara yang dapat diperhatikan ialah perang poster, cara berkempen dan sebagainya.

#### 7.1 Perang Poster

Selepas sahaja hari penamaan calon sehingga 30hb. Ogos, poster-poster PAS kelihatan lebih banyak dari poster UMNO. Ini kerana tenaga kerjanya bergerak lebih awal dari orang-orang UMNO walaupun kerja-kerja itu dijalankan secara sukarela sahaja.

UMNO hanya bergerak cergas selepas hari penamaan calon. Bagi parti ini mereka ada menyediakan wang sebagai upah kepada penampal-penampal posternya. Setiap seorang dari mereka akan menerima \$10 bagi satu malam. Jumlah poster antara kedua-dua parti hanya nampak seimbang, 2 hari sebelum pembuangan undi.

Dalam masa tersebut masing-masing parti telah bekerja kuat.

Setiap malam kedua-dua belah puak telah melantik petugas-petugas untuk meronda ke seluruh kampung. Tujuannya ialah untuk mempastikan tidak ada poster mereka dikoyak oleh pengikut-pengikut parti lawan. Mereka bertugas mengikut kampung masing-masing.

Kedua-dua parti juga telah mendirikan beberapa pintu gerbang di muka-muka jalan utama yang menuju ke tempat-tempat pembuangan undi. PAS mendirikan pintu gerbangnya di jalan Sekolah Kebangsaan Seberang Marang dan Sekolah Kebangsaan Rusila. UMNO pula di jalan Sekolah Kebangsaan Marang dan Sekolah Sentol Patah.

#### 7.2 Manifesto Pilihanraya

Semasa pilihanraya ini, UMNO Ru Rendang menggunakan manifesto Barisan Nasional yang dikeluarkan oleh Barisan Nasional pusat. Pas pula menggunakan manifesto yang dibuat khas untuk negeri Terengganu. Oleh itu program-program yang terkandung di dalamnya adalah bersifat tempatan. Tema manifesto UMNO ialah, " Tradisi Membela Rakyat". Manakala PAS pula ialah " Bangunkan Negara Dengan Islam".

Semasa berkempen kedua-dua parti menggunakan isu-isu dan program-program yang terkandung dalam manifesto masing-masing. UMNO dalam manifestonya menekankan soal-soal pembangunan. PAS pula menekankan pembangunan yang didasarkan kepada Islam.

### 7.3 Politik Wang

Penggunaan wang semasa pilihanraya adalah jelas berlaku. Sebenarnya perkara ini sudah lama berlaku dan terjadi di mana-mana. "During two week campaigning period and after the election, PAS supporters, especially in Kedah and Kelantan , had used money to bribe voters".<sup>1</sup>

Dalam kebanyakan ceramah-ceramah UMNO, mereka menyediakan jamuan dan minuman untuk orang ramai. Ini dapat memberikan tarikan untuk mereka datang mendengar ceramahnya. Sebaliknya PAS tidak mempunyai wang yang cukup untuk berbuat demikian.


Pembahagian wang oleh pemimpin-pemimpin UMNO ke atas orang-orang atas pagar memberikan kelebihan kepada parti itu. Ramai dari orang atas pagar tersebut tertarik dengan pemberian wang itu.


Bagi pemimpin-pemimpin PAS, mereka tidak mampu mengadakan demikian. "PAS would only use legitimate means to achieve its ends and would not resort to buying votes or using hooligans to intimidate voters".<sup>2</sup> ... Perhaps he could have added that even if PAS had wanted to resort to buying votes; its financial condition simply did not permit it to do so.<sup>3</sup>



Gambar atas: Poster-poster dipasangkan disepanjang jambatan Marang.

Gambar bawah: Salah satu markas yang terletak berhampiran dengan tempat pembuangan undi.





Gambar di sebelah:  
Penyokong PAS sedang memanjat tiang elektrik untuk menaikkan posternya.

Gambar bawah:  
Kerja-kerja menampal poster dilakukan di dalam markas Barisan Nasional.



#### 7.4 Cara Berkempen

Cara yang digunakan oleh UMNO dan PAS Rū Rendang semasa berkempen dapat dibahagikan kepada 3:-

- i. Kempen secara terbuka
- ii. Kempen dari rumah ke rumah
- iii. Kempen di atas kereta

Kempen secara terbuka ini diadakan di rumah-rumah ketua parti masing-masing atau di markas-markas. Biasanya dijalankan pada waktu malam iaitu selepas isyak.

Berkempen dari rumah ke rumah adalah cara yang paling berkesan. Kempen jenis ini dijalankan ke atas orang atas pagar. Di sini ketua-ketua 10 memainkan peranan besar kerana mereka lebih arif tentang orang-orang yang nak dikempennya.

Kempen-kempen di dalam kereta hanya dijalankan pada hari pilihanraya sahaja. Masing-masing parti ada menyediakan kenderaan untuk mengangkut pengundi-pengundi ke tempat-tempat pembuangan undi. Semasa dalam perjalanan, pemandu-pemandu telah berkempen supaya penumpangnya akan memilih calon yang mereka sokong.

Nota Kaki

1. Harold Crough, ed, Malaysia Politics and The 1978 Election, Oxford, K. Lumpur, 1980, m.s. 92.
2. Ibid, m.s. 73.
3. Ibid, m.s. 73.

## BAB VIII

### KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan bagaimana wujudnya perkembangan dan pengaruh PAS di kawasan Dewan Undangan Negeri Ru Rendang. Dengan melihat kepada organisasi, aktiviti dan pergerakannya, kajian ini telah dapat menjelaskan bagaimana pengaruhnya telah meresap kedalam seluruh sistem kehidupan masyarakat di sini.

Penglibatan pemimpin-pemimpin PAS dalam aspek kemasyarakatan dan kenegaraan menimbulkan rasa bimbang dikalangan pemimpin-pemimpin UMNO Ru Rendang. Ini kerana ia boleh menggugat kedudukan mereka dari segi politik dan kekuasaan. Tambahan pula segala kelemahan dan kepinggan UMNO telah disebarluaskan kepada orang ramai. Tindakan tersebut telah menjatuhkan imej kerajaan dikalangan rakyat tempatan.

Parti UMNO adalah parti yang lebih tua dan berpengalaman dalam pentadbiran. Oleh itu mereka akan mempertahankan apa yang mereka miliki dari digugat oleh PAS. PAS pula walaupun lebih baru dari segi kewujudannya tetapi mempunyai kesedaran agama yang baik. Jadi mereka pasti menentang apa juu sikap UMNO yang dianggap bertentangan dengan agama.

Akibatnya wujudlah pertentangan secara berterusan yang akhirnya meresap ke dalam sistem kehidupan masyarakat. Keadaan ini bertambah parah lagi bilamana kedua-dua pihak saling tuduh-menuduh sebagai bertanggongjawab memecah-belahkan masyarakat.

Konflik yang berterusan dan meningkat dikalangan rakyat itu perlu diatasi dengan segera untuk menjamin perkembangan Islam yang sihat. Oleh kerana semua ahli dari kedua-dua parti adalah Islam, maka mereka seharusnya bersikap bertolak ansur antara satu dengan lain.

UMNO sebagai parti pemerintah mestilah memberhentikan sikap diskriminasinya terhadap parti lawan. Dengan kata lain mereka tidak boleh hanya mengambil berat ke atas ahli-ahli UMNO sahaja tetapi juga hendaklah menjaga kepentingan ahli-ahli PAS. Dengan itu barulah orang-orang PAS dapat menerima pemerintahan mereka tanpa kritikan-kritikan yang pedas.

Pemimpin-pemimpin UMNO patut menerima sebahagian dari pandangan-pandangan pemimpin PAS terutama dalam soal keagamaan dan keadilan sosial. Dengan itu barulah wujud sifat ingin bekerja sama antara PAS dan UMNO.

Disatu pihak lagi pemimpin-pemimpin PAS perlulah bersikap positif terhadap sesuatu masalah yang hendak diselesaikan itu.

Mereka juga harus bersikap lebih sederhana terhadap UMNO. Tuduhan seperti kafir-mengkafir patut dihapuskan terus, sebaliknya hendaklah menyeru dengan cara yang lemah lembut dan penuh hikmah. Agar dengan cara ini akan dapat menarik orang-orang UMNO cenderung kepada cara PAS berpolitik.

Penyokong-penyokong PAS juga tidak boleh mengamalkan sikap suka memulau orang-orang lain. Mereka juga perlu bergaul dengan seluruh lapisan masyarakat. Maksudnya ialah melibatkan diri bersama-sama masyarakat secara keseluruhan tanpa mengira fahaman politik.

BIBLIOGRAFI

1. E.C. Banfield, Political Influence, MacMillan Publ, New York, 1961.
2. Talcott Parson, Politic And Sosial Structure, The Free Press, New York, 1969.
3. Scottton, ed, A Dictionary Of Political Thought, MacMillan, London, 1982.
4. Laswell, Harold E, Political Writings, Greenwood, Connecticut, 1951.
5. Edwin R.A, ed, Encyclopedia Of The Social Sciences, MacMillan, New York, 1967, Vol. IX.
6. Lees, Political Parties In Modern Britain, An Organisation and Function guide.
7. David L.S, ed, International Encyclopedia Of The Social Sciences, MacMillan & Free Press, N. York, Vol. II.
8. Gilbert Abcarian, Contemporary Political Systems, Charles Scribner's Son, N. York, 1970.
9. Barbara Goodwin, Using Political Ideas, John Waley & Son, N. York, 1982.

10. Howard R.P, The American Political Process, D.V. Nostrand Company, N. York, 1962.
11. K.J. Ratnam & R.S. Milne, The Malayan Parliamentary Election Of 1964, Universiti Malaya Press, K. Lumpur, 1967.
12. Husin Mohamad, Proses Politik Dan Pilihanraya Terengganu 1954-1978, Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, K. Lumpur, 1982.
13. M. Kamlin, History, Politic And Electioneering; The case of Terengganu, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, K. Lumpur, 1977.
14. N.J. Funston, Malay Politics In Malaysia; A Study Of The UMNO & Party Islam, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., K. Lumpur, 1983.
15. Diane K. Mauzy, Barisan National, Coalition Government In Malaysia, Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1983.
16. Safie Ibrahim, The Islamic Party Of Malaysia, Its Formative stages & Ideology, Published By Nawawi Ismail, Kelantan, 1983.
17. John Adair, The Skills Of Leadership, Gower Publ, England, 1984.
18. Abu Bakar Hamzah, Konsep Kepimpinan Ulama Dalam Politik, Pustaka Zakry Abadi, K. Lumpur, 1983.
19. Dr. Ahmad Shalaby, Terjemahan oleh Mohd. Labib Ahmad, Sejarah Dan Kebudayaan Islam, Pustaka Nasional, Singapura, 1976.

20. Kamaruddin Jaffar, ed, Dr. Burhanuddin Al Helmy, Politik Melayu Dan Islam, Yayasan Anda, K. Lumpur, 1980.
21. Firdaus Abdullah, ed, Kepimpinan Melayu, Satu Rakaman Kewartawan, Fajar Bakti, P. Jaya, 1985.
22. Ahmad Kamal, Teori Dan Daya Gerak Masyarakat, Nusantara, P. Jaya, 1982.
23. Harold Crough, ed, Malaysia Politic And The 1978 Election, Oxford, K. Lumpur, 1980.
24. A.K. Hidayat, PAS 1951-1991 (Tercabar-Mencabar), GG edar, Kuala Lumpur, 1986.

Majalah

1. Asia Week.
2. Dewan Masyarakat.

Akhbar

1. Berita Harian.
2. The Star.
3. Utusan Malaysia.
4. Utusan Melayu.
5. New Straits Times.

Laporan

1. Carilah Kebenaran, Terbitan Kerajaan Terengganu , 1986.
2. Manifesto Barisan Nasional, 1986.
3. Manifesto PAS Terengganu, 1986.